

Tatakelakuan Global Kumpulan Cook



COOK

Mencerminkan Nilai-nilai Kita

MASUK ➔



Kandungan

- | | |
|---|--|
| <p>03 Panduan untuk pengguna</p> <p>05 Pesanan daripada pemimpin kita</p> <p>06 Matlamat Kumpulan Cook</p> <p>07 Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook</p> <p>10 Apakah tanggungjawab anda?</p> <p>12 Standard kualiti Cook</p> <p>13 Produk dan perkhidmatan yang bermutu</p> <p>14 Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod
 Perbelanjaan perniagaan
 Program Pengurusan Rekod</p> <p>16 Privasi data</p> <p>18 Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat</p> <p>20 Penyelidikan</p> <p>22 Cook sebagai rakan perniagaan yang beretika</p> <p>23 Percanggahan kepentingan</p> <p>24 Interaksi perniagaan</p> <p>27 Pihak ketiga</p> <p>29 Periklanan dan promosi</p> <p>30 Antipakat dan persaingan yang wajar</p> | <p>31 Cook sebagai warga korporat yang baik</p> <p>32 Program cegah rasuah global
 Pencegahan penyogokan
 Pencegahan aktiviti pengubahan wang haram
 Hak asasi manusia</p> <p>35 Perdagangan antarabangsa</p> <p>37 Perdagangan orang dalam</p> <p>39 Komunikasi dengan pihak media</p> <p>39 Media sosial</p> <p>40 Menyediakan maklumat kepada kerajaan</p> <p>41 Aktiviti politik dan melobi</p> <p>43 Cook sebagai jiran yang bertanggungjawab</p> <p>44 Penglibatan dengan komuniti</p> <p>46 Cook sebagai tempat kerja yang hebat</p> <p>47 Amalan pekerjaan
 Kepelbagai dan keterangkuman
 Tempat kerja yang penuh hormat</p> <p>48 Kesihatan dan keselamatan persekitaran</p> <p>50 Aset dan harta benda</p> <p>51 Melaporkan kebimbangan</p> <p>52 Panduan membuat keputusan yang beretika</p> <p>53 LAMPIRAN – Senario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan</p> |
|---|--|



Panduan untuk pengguna

Untuk siapakah Tatakelakuan ini?

Semua pekerja syarikat-syarikat Cook Group Incorporated (“Cook”) seluruh dunia. Walaupun terdapat kepelbagaiannya pada jenis perniagaan yang kita jalankan, namun sama ada kita berkhidmat untuk pesakit, tetamu, pelanggan, penumpang, penyewa, atau rakan sekerja, kita semua berkongsi budaya yang sama dan himpunan nilai teras yang sama. Setiap pekerja Cook dikehendaki mencerminkan nilai-nilai Cook dalam kegiatan perniagaan setiap hari, tanpa mengira industri atau lokasi.

Struktur Syarikat Cook Group Incorporated

Cook Group Incorporated terdiri daripada 5 jenis perniagaan

**Perniagaan
Perangingan**

**Perniagaan
Perkhidmatan**

**Perniagaan Sains
Hayat**

**Perniagaan Peranti
Perubatan**

**Perniagaan
Pengurusan Harta**

**Carta organisasi terkini boleh didapati
di laman web Transformasi:**

<https://intranet.cookmedical.com/sbu/tr/Pages/default.aspx>

Panduan untuk pengguna sambungan

Bagaimana patut saya menggunakan Tatakelakuan ini?

Bacalah Tatakelakuan ini dengan teliti dan simpan di tempat yang mudah anda cari balik kemudian. Senarai Kandungannya juga boleh diklik untuk membawa anda terus ke bahagian yang anda cari. Tatakelakuan ini membentangkan beberapa situasi andaian ("Waktu Membuat Keputusan") yang direka untuk menolong anda menggunakan Tatakelakuan ini dalam aktiviti anda sehari-hari. Terdapat juga pohon keputusan ("Mengemudikan Perjalanan Anda") untuk membantu anda membuat keputusan yang selaras dengan Tatakelakuan ini.

Bagaimanakah Tatakelakuan ini boleh membantu anda?

Tatakelakuan kita akan menolong anda memahami komitmen yang telah kita buat sebagai syarikat serta kehendak kami terhadap semua pekerja Cook. Lampiran mengandungi pelbagai alat bantuan pemahaman yang direka untuk menolong anda menangani situasi yang mungkin anda hadapi semasa menjalankan kerja anda sehari-hari, dan juga panduan cara tindakan dan tanggungjawab anda.

Bagaimana jika saya mempunyai soalan yang tidak dijawab dalam Tatakelakuan ini?

Laman web kita menyediakan pelbagai sumber: <https://compliance.cookgroup.com> atau <https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec> (Intranet Cook). Anda juga boleh menghubungi pengurus atau penyelia anda untuk bertanya, ataupun wakil Etika Dan Pematuhan bagi lokasi anda. Pejabat Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook boleh dihubungi melalui talian +001 812.331.1025.

Talian Bantuan Etika Dan Pematuhan (E&C):

Laman web pelaporan E&C dalam talian kita menyenaraikan nombor telefon tempatan yang boleh anda hubungi ataupun anda boleh mengemukakan aduan dalam talian (tanpa mendedahkan nama anda jika dibenarkan oleh undang-undang). Pergi ke <https://cook.ethicspoint.com> dan klik pada "Laporan" untuk mendapatkan nombor telefon tempatan yang boleh anda hubungi.



Pesanan daripada pemimpin kita

Rakan-rakan Sekerja Yang Dihormati,

Semasa kami mula menggubah semula bentuk syarikat kita untuk menghadapi masa depan, pekerja Cook di merata tempat telah menyumbang idea tentang asas budaya kita dan telah mengenal pasti ciri dan nilai yang mahu kita bawa ke masa depan. Kita semua bersetuju mengekalkan unsur-unsur binaan kita yang kukuh, yang telah kita dukung sejak peringkat awal lagi, iaitu kualiti, kemahiran menyelesaikan masalah, inovasi, tumpuan terhadap keluarga, kedermawanan, semangat bermasyarakat yang teguh, dan **integriti**.

Sama ada anda sudah bekerja di sini selama 54 tahun ataupun baru bermula semalam, anda dapat memahami, malah anda dapat merasakan bahawa integriti ialah teras yang penting untuk kita memelihara budaya dan hubungan kita. Keluarga Cook dan semua pekerja yang telah bersama membina syarikat ini sepanjang lima dekad yang lepas telah mewujudkan reputasi yang sangat berharga sebagai syarikat beretika yang menyampaikan kualiti. Kita semua bertanggungjawab melindungi reputasi itu.

Tatakelakuan Global yang baharu ini disediakan untuk semua syarikat Cook. Di dalamnya, anda akan belajar tentang tujuan dan nilai-nilai kita bersama. Anda juga akan mendapati beberapa contoh dan sumber yang dapat membimbing anda semasa membuat keputusan dan bertindak. Kita masing-masing bertanggungjawab terhadap nama Cook dan keluarga Cook untuk memenuhi tujuan kita dan mendukung nilai-nilai kita melalui tugas yang kita lakukan setiap hari. Dengan berbuat demikian, kita dapat memastikan bahawa budaya kita akan bertahan selama 50 tahun lagi dan seterusnya.

Terima kasih atas perkhidmatan anda!

Pete Yonkman
Presiden
Kumpulan Cook



Carol Seaman
Naib Presiden,
Ketua Pegawai Etika
Dan Pematuhan Global
Kumpulan Cook



Matlamat Kumpulan Cook

Kita kumpulan syarikat yang beretika dan bersemangat keusahawanan, yang wujud demi memperkasakan individu dan komuniti agar dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Nilai-nilai kita:

Bertindak
dengan
integriti

Kita menggunakan standard etika yang tinggi dan nilai-nilai teras kita untuk membimbing keputusan dan tindakan kita.

Tuntut
kualiti

Kita mengamalkan standard kualiti yang tertinggi kerana kita tahu bahawa segala perbuatan kita meninggalkan kesan terhadap kehidupan seseorang.

Amalkan
ketelusan

Kita bersikap jujur dengan satu sama lain dan berkongsi maklumat dengan orang yang terjejas.

Sumbang
balik

Kita percaya terhadap usaha membina komuniti melalui perkongsian masa, kemahiran, dan sumber kita.

Layani semua
orang
dengan hormat

Kita menghormati satu sama lain dan juga rakan-rakan perniagaan kita dengan sikap sedia menerima pelbagai idea dan sudut pandangan, serta menghargai sumbangan satu sama lain.

Selesaikan masalah
bersama-sama

Kita mendekati inovasi dengan cara mendengar dahulu untuk memahami, kemudian menghasilkan penyelesaian.

Sentiasa
bertambah baik

Kita belajar melalui data, pengalaman, maklum balas, dan satu sama lain supaya kita dapat sentiasa berubah dan menambah baik cara kita bekerja.



Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook

Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook direka bagi membantu kita menjalankan aktiviti perniagaan dengan cara yang mencerminkan nilai dan komitmen kita untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang mengawal setiap perniagaan kita di seluruh dunia. Kami akan merujuk kepada Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook sebagai “Program ini” dalam bahagian Tatakelakuan ini yang selebihnya. Kami mendasarkan Program kita ini pada undang-undang yang berkenaan, peraturan, panduan kawal atur, panduan industri, dan amalan terbaik dalam industri ini (“Standard Luar Yang Berkenaan”) untuk menghasilkan program-program etika dan pematuhan yang berkesan:

Kepimpinan dan tanggungjawab

Barisan pemimpin Kumpulan Cook, termasuklah lembaga pengarah dan pengurusan eksekutif, komited untuk menjayakan sebuah Program Etika Dan Pematuhan Global yang berkesan. Lembaga pengarah telah menyerahkan tanggungjawab menyusun struktur dan kandungan Program ini kepada Ketua Pegawai Etika Dan Pematuhan (CECO). CECO, dengan kerjasama Jawatankuasa Pengawasan Lembaga yang bertindak bagi pihak lembaga, Majlis Penasihat Program, dan barisan pengurusan kanan, mengawasi pelaksanaan Program ini di seluruh syarikat.

Sebagai pekerja, kita bertanggungjawab memastikan diri kita dan rakan-rakan sekerja kita menjalankan perniagaan menurut kehendak, dasar, prosedur, dan amalan terbaik yang ditentukan oleh syarikat.

Jawatankuasa Pengawasan Lembaga: jawatankuasa Lembaga Pengarah Kumpulan Cook yang bertanggungjawab mengawasi pematuhan bagi pihak lembaga.

Majlis Penasihat Program: kumpulan pakar fungsi yang ditubuhkan untuk membantu Pasukan E&C Global dalam pelaksanaan dan integrasi Program ini.

Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook sambungan

Standard bertulis

Dokumen asas Program ini ialah Tatakelakuan ini. Tatakelakuan ini menerangkan cara kita dikehendaki bertingkah laku apabila kita menjalankan perniagaan Cook.

Dokumen dasar, prosedur, dan panduan tambahan yang dihasilkan oleh Etika Dan Pematuhan dan fungsi-fungsi lain menerangkan situasi atau jenis risiko yang khusus. Dokumen-dokumen ini boleh didapati pada laman [web E&C](#).

Pendidikan dan latihan

Latihan menolong pekerja memahami Standard Bertulis Kumpulan Cook dan Standard Luar Yang Berkenaan. Dasar, prosedur, panduan, dan Standard Luar Yang Berkenaan sangat penting difahami supaya kita tahu cara mematuhiinya. Cook menyediakan latihan yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk menolong anda menunaikan kewajipan kita dari segi etika dan pematuhan.

Komunikasi dan kesedaran

Talian komunikasi yang terbuka penting untuk menjayakan Program ini dan untuk mengenal pasti serta mengurangkan risiko yang boleh timbul. Cook menggalakkan suasana yang membuatkan kita berasa senang apabila membangkitkan kekhawatiran tanpa rasa takut dikenakan tindakan balasan dan menawarkan sumber untuk berbuat demikian, tanpa mendedahkan nama jika dibenarkan oleh undang-undang. Tindakan balasan terhadap pekerja yang melaporkan kekhawatiran tidak akan dibiarkan sahaja.

Program Etika Dan Pematuhan Global Kumpulan Cook sambungan

Pemantauan dan pengauditan

Program yang berkesan merangkumi pemantauan dan pengauditan kegiatan perniagaan sebagai cara penilaian berterusan. Cook memantau dan mengaudit kegiatan pekerja, syarikat, dan rakan perniagaan untuk menilai keberkesanan Program ini dan untuk mengenal pasti peluang peningkatan.

Penyiasatan dan gerak balas

Salah laku akan menjaskan reputasi kita sebagai syarikat yang boleh diharap dan dipercayai dalam industri yang kita ceburi. Cook akan menyiasat dakwaan tentang salah laku. Apabila kita mengenal pasti ketidakpatuhan ataupun ciri yang perlu ditingkatkan, kita mengambil tindakan pembetulan yang berpatutan.

Pembaikan Program secara berterusan

Cook mengakui bahawa program-program etika dan pematuhan bersifat dinamik kerana suasana operasi kita sering berubah. Oleh itu, kita sentiasa mengkaji semula dan mengubah Program ini jika perlu.



Apakah tanggungjawab anda?

Sebagai pekerja Kumpulan Cook, kita **masing-masing** bertanggungjawab:

- Menghormati nilai-nilai teras syarikat dan bertindak secara beretika.
- Membaca, memahami, dan mematuhi [dokumen-dokumen dasar](#) Cook yang berkenaan, termasuklah Tatakelakuan ini.
- Melaporkan pelanggaran etika dan salah laku, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada audit dan penyiasatan yang dijalankan oleh Cook.
- Menggalakkan para pekerja lain mematuhi Tatakelakuan ini, melalui kata-kata dan tindakan kita sendiri sebagai teladan.
- Selesai menjalani latihan dan perakuan kepatuhan Tatakelakuan setiap tahun.

Selain itu, kita mewajibkan pembekal, kontraktor, dan pengedar kita, serta pihak-pihak lain yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita, mematuhi Standard Bertulis Kumpulan Cook dan juga Standard Luar Yang Berkennaan.

Nota:

Tatakelakuan ini direka untuk merangkumi semua perniagaan Cook. Beberapa tajuk yang diliputi dalam Tatakelakuan ini mungkin tidak berkaitan dengan beberapa industri kita, tetapi bahagian Tatakelakuan yang selebihnya tetap perlu dipatuhi oleh syarikat dan pekerja tersebut.

Tanggungjawab para pemimpin Cook

Semua pengurus, pengarah, pegawai, dan pemimpin lain dikehendaki menetapkan nada yang betul dan memimpin melalui teladan. Kita semua belajar menghormati Tatakelakuan ini dan Standard Bertulis Kumpulan Cook daripada pengurus dan pemimpin kita. Para pemimpin harus mengetahui Tatakelakuan ini dan juga Standard Bertulis Kumpulan Cook, dan bertanggungjawab menolong pekerja menggunakananya dalam kegiatan kerja mereka seharian.

Apakah tanggungjawab anda? sambungan

Para pemimpin mewujudkan suasana yang betul dengan cara:

- Menyampaikan kehendaknya kepada pekerja dengan kerap.
- Menunjukkan teladan yang betul.
- Menetapkan matlamat yang realistik supaya pekerja tidak merasai tekanan secara tidak langsung dan mengabaikan standard etika.
- Membincangkan kelakuan yang beretika dan patuh, serta Program ini semasa sesi penilaian prestasi.
- Mengiktiraf pekerja yang atas tingkah laku yang beretika.
- Menggalakkan pekerja melaporkan bukti pelanggaran dasar atau undang-undang yang diketahui atau yang disyaki berlaku, dengan niat baik.
- Memupuk suasana kerja yang menggalakkan perbincangan tentang kekhawatiran berkenaan dengan etika dan integriti.
- Membuatkan pekerja berasa cukup selesa untuk membangkitkan masalah atau kekhawatiran, dan meyakinkan pekerja bahawa para pemimpin sedang mendengar.
- Menjaga kerahsiaan pekerja yang melaporkan pelanggaran dengan niat baik dan melindungi mereka daripada tindakan balasan.

Penguatkuasaan dan tanggungjawab

Pelanggaran Tatakelakuan ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, termasuklah dipecat, seperti yang tertera dalam Manual Pekerja.

Pengetepian dan pemindaan

Pengetepian atau pemindaan Tatakelakuan ini atau Standard Bertulis Kumpulan Cook hanya akan dibenarkan jika didapati perlu dalam sesuatu keadaan dan hanya boleh dibenarkan oleh anggota pengurusan eksekutif.



Standard kualiti Cook

- Produk dan perkhidmatan yang berkualiti
- Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod
 - Perbelanjaan perniagaan
 - Program Pengurusan Rekod
- Privasi data
- Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat
- Penyelidikan



Ingin mengetahui lebih lanjut?

Lihat [Lampiran](#) untuk melihat beberapa senario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan yang berkait dengan tajuk ini.

Produk dan perkhidmatan yang berkualiti

Komitded terhadap kualiti.

Reputasi Cook dibina berdasarkan kualiti produk dan perkhidmatan kita. Kita berusaha mengekalkan tahap kualiti yang tertinggi dalam perniagaan kita, sebagaimana yang tertakrif oleh industri yang berkenaan. Kita memberikan perhatian yang rapi terhadap cara dan tempat kita mendapatkan bahan, cara kita mengilang produk, dan cara kita memasarkan, menjual, dan membekalkan produk dan perkhidmatan kita, termasuklah melalui rakan-rakan perniagaan kita. Komitmen kita terhadap kesihatan dan keselamatan orang yang menggunakan produk dan perkhidmatan kita mestilah sentiasa diutamakan dalam segala perbuatan kita. Jangan sekali-kali cuba mengambil jalan pintas. Penyimpangan yang kecil pun boleh meninggalkan kesan yang tidak dimaksudkan terhadap kualiti.

Menyampaikan kualiti yang tinggi ialah matlamat kita dalam setiap langkah perjalanan.

Anugerah Perkhidmatan Cook, 20 tahun



Apa yang mesti anda lakukan:

- Pastikan kualiti sentiasa menjadi keutamaan #1 anda.
- Berbanggalah dengan kerja anda dan berikan perhatian yang rapi terhadap butir-butirnya, biar apa pun tugas itu.
- Patuh dasar, prosedur, dan dokumen-dokumen panduan peringkat jabatan dan fungsi setiap kali anda melakukan sesuatu tugas.
- Tanya soalan.
- Selesai menjalani latihan yang diwajibkan mengikut masa yang ditetapkan.
- Cakaplah sesuatu pada bila-bila masa anda khuatir tentang kualiti.
- Serta-merta laporkan sebarang situasi yang mungkin akan mengakibatkan masalah kualiti atau kawal atur.
- Cari cara-cara meningkatkan kualiti dalam pekerjaan anda dan dalam syarikat kita.

Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod

Wujudkan, selenggarakan, tahan, atau luluskan rekod dengan tepat.

Perniagaan Cook semuanya dikawal atur dengan sesuatu cara, dan kita mengamalkan dasar mewujudkan, menyelenggarakan, dan menahan rekod yang tepat dan lengkap, sama ada dalam bentuk bercetak ataupun elektronik, dan melupuskan rekod selaras dengan Standard Luar Yang Berkenaan. Sebagai pekerja, anda memikul tanggungjawab mencatatkan maklumat yang lengkap tentang kegiatan perniagaan Cook, secara terang dan tepat, menurut dasar, prosedur, dan panduan Cook.

Apa yang mesti anda lakukan:

- Wujudkan rekod perniagaan yang baik.
- Dokumenkan transaksi dengan tepat.
- Dokumenkan tujuan perniagaan yang sah untuk perbelanjaan.

Apa yang tidak boleh anda lakukan:

- Menurunkan tandatangan orang lain atau memalsukan nama orang lain, menggunakan cecair pembetulan untuk menutup maklumat atau mengaburkan maklumat dengan cara-cara lain, mengundurkan tarikh maklumat, atau merakamkan waktu masuk kerja untuk orang lain. (Pengecualian: membuang nama pesakit daripada maklumat kesihatan.)

Perbelanjaan perniagaan

Cook komited untuk mencapai taraf kelakuan beretika yang tertinggi apabila pekerja menanggung dan melaporkan perbelanjaan perniagaan. Cook akan menggantikan perbelanjaan yang anda keluarkan untuk tujuan perniagaan yang perlu, berpatutan, dan sah, seperti yang tertera dalam Dasar Perjalanan Dan Perbelanjaan Global Cook. Anda dikehendaki menggunakan pertimbangan yang baik apabila menanggung dan melaporkan perbelanjaan tersebut.

Sebagai contoh, anda tidak dibenarkan:

- Menyalahgunakan wang Cook.
- Memalsukan laporan perbelanjaan.
- Menyerahkan rekod yang dipalsukan sebagai bukti perbelanjaan perniagaan.
- Menyerahkan laporan perbelanjaan selepas tarikh tutup yang ditetapkan.

Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod sambungan

Program Pengurusan Rekod

Rekod rasmi ialah rakaman maklumat yang telah diwujudkan, diterima, diubahsuaikan, diselenggarakan, diarkibkan, didapatkan semula, atau disampaikan, yang menyokong kegiatan perniagaan Cook. Ini merangkumi mesej bercetak, e-mel, mesej teks, gambar, rekod elektronik atau digital termasuklah mel suara, dan dokumen-dokumen lain. Penyimpanan rekod dan pelupusan rutin rekod yang tidak lagi diperlukan oleh Cook dapat menolong kita menjalankan perniagaan dan operasi kita dengan lebih baik.

Program Pengurusan Rekod Global Cook direka untuk membimbing anda apabila menahan, menyimpan, dan melupuskan rekod-rekod kita. Program Pengurusan Rekod ini juga merangkumi program arkib sejarah (hubungi jabatan Arkib di ibu pejabat global Cook di Bloomington, Indiana) dan prosedur Tahanan Undang-undang (hubungi jabatan Undang-undang). Rujuk kepada Jadual Penahanan Rekod bagi kawasan atau industri anda untuk mengetahui tempoh penahanan yang diwajibkan. Hubungi penyelaras rekod bagi jabatan atau fungsi anda untuk membuat pertanyaan.

Apa yang mesti anda lakukan:

- Wujudkan dan selenggarakan rekod menurut prosedur-prosedur Program Pengurusan Rekod dan Jadual Penahanan Rekod bagi industri dan kawasan anda.
- Kaji semula dokumen-dokumen anda selaras dengan proses kajian semula rekod yang diikuti oleh syarikat anda.
- Simpan semua dokumen yang dianggap sebagai arkib dan juga dokumen yang ditentukan sebagai Tahanan Undang-undang oleh jabatan Undang-undang Kumpulan Cook walaupun tempoh penahanan dokumen tersebut tamat semasa masih ditahan.

SUMBER:

- Dasar Perjalanan Dan Perbelanjaan Global Cook www.cookmedicaltravel.com
- Dasar Dan Prosedur Program Pengurusan Rekod
- Dasar Dan Panduan Tentang Pencegahan Aktiviti Pengubahan Wang Haram
- Dasar Privasi Dan Perlindungan Data, termasuk PCI, Gerak Balas Terhadap Kejadian, dan sebagainya

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet E&C:**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Privasi data

*Hormati privasi pekerja,
pelanggan, pesakit, dan rakan
perniagaan kita.*

Pekerja di setiap perniagaan Cook berperanan penting melindungi privasi dan data, begitu juga dengan rakan perniagaan dan pembekal khidmat kita. Dasar privasi dan perlindungan data membimbang kita tentang cara melindungi data peribadi, misalnya maklumat tentang pekerja atau tetamu di pusat peranginan, nombor kad kredit, tarikh lahir, dan maklumat tentang kesihatan pesakit.

Pusat Pengedaran Cook



Semasa menunaikan tanggungjawab kerja kita yang perlu, kita sering berhadapan dengan data peribadi yang dikawal atur, yang mewajibkan kita mengikuti langkah-langkah keselamatan yang telah diajar kepada kita melalui latihan. Antara contoh data peribadi yang dikawal atur dalam beberapa industri ialah:

- Nama, alamat, nombor telefon, tarikh lahir, alamat e-mel, nombor Keselamatan Sosial, atau maklumat kad kredit tetamu di hotel.
- Nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, tarikh lahir, maklumat gaji, rekod latihan atau disiplin, maklumat tentang saraan pekerja, maklumat tentang cuti sakit, atau pengenal kebangsaan seperti nombor Keselamatan Sosial pekerja.
- Nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, tarikh lahir, maklumat tentang diagnosis atau rawatan perubatan, nombor akaun, atau maklumat pembayaran pesakit.

Privasi data sambungan

Apa yang mesti anda lakukan:

- Rujuk kepada Carta Tahap Klasifikasi Data Cook untuk memahami tahap penjagaan keselamatan yang diperlukan bagi setiap jenis data.
- Jalani semua latihan tentang Privasi dan Perlindungan Data yang diwajibkan oleh syarikat.
- Fahami kewajipan anda menurut undang-undang dan menurut kontrak tentang penggunaan data peribadi yang dikawal atur.
- Dapatkan dan gunakan hanya data peribadi yang anda perlukan untuk menjalankan tugas anda.
- Kutip, gunakan, pindahkan, dedahkan, selenggarakan, dan lupuskan semua data peribadi yang dikawal atur sebagaimana yang tertera dalam Dasar Penahanan Rekod Global Cook dan selaras dengan undang-undang privasi data yang berkenaan.
- Lindungi data peribadi yang dikawal atur dengan menggunakan alat-alat teknologi yang diluluskan oleh jabatan IT Cook, misalnya penyulitan.
- Jika anda ingin bertanya tentang data peribadi yang dikawal atur, dapatkan panduan daripada pengurus IT bagi tempat anda ataupun daripada pasukan Privasi Kumpulan Cook.


SUMBER:

- Carta Tahap Klasifikasi Data Cook
- Dasar Privasi
- Dasar IT
- Dasar Penahanan Rekod Global Cook
- Pejabat Privasi Global (Bloomington) +001 812.331.1025
- Pejabat Privasi EMEA (Limerick) +353 61 334 440
- Pejabat Privasi APAC (Hong Kong) +852 3472 1688

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet Privasi Data:**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/priv>

Ibu Pejabat Global Cook, Bloomington, Indiana



Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat

*Jika kita melindungi maklumat kita,
kita juga melindungi reputasi kita.*

Salah satu aset Cook yang paling berharga ialah maklumat sulit kita. Maklumat sulit ialah maklumat yang tidak boleh didapati oleh orang awam dan merangkumi tetapi tidak terbatas kepada maklumat kesihatan yang terlindung, maklumat kad kredit, data yang sensitif tentang pekerja, projek penyelidikan dan pembangunan, lukisan kejuruteraan, rahsia perdagangan, rancangan perniagaan, rumusan dan proses pengilangan, syarat-syarat kontrak pembekal atau pelanggan, peletakan harga, angka jualan, bida, sebut harga, usul peletakan harga, jawapan tender, hasil pencapaian kewangan yang tidak diketahui orang awam, atau apa-apa maklumat lain yang mungkin berguna bagi pesaing Cook ataupun yang boleh memudarangkan Cook jika didedahkan.

Hak milik intelektual merujuk kepada hak terhadap sesuatu idea. Sebagai contoh, undang-undang melindungi ciptaan dengan paten, kerja bertulis dengan hak cipta, jenama dan logo dengan tanda dagang, dan rahsia perdagangan.

Kita masing-masing mesti melindungi maklumat sulit dan hak milik intelektual Cook, serta mencegah pendedahannya atau penggunaannya yang tidak mendapat izin. Maklumat sulit dan hak milik intelektual tidak boleh didedahkan kepada pesaing.

Kewajipan anda melindungi maklumat sulit dan hak milik intelektual kita masih harus anda tunaikan walaupun selepas anda tidak lagi bekerja dengan Cook.

Cook juga menghormati hak milik intelektual dan maklumat sulit pelanggan kita dan juga pesakit, pekerja, pembekal, peniaga, dan tetamu mereka, serta pihak-pihak lain yang berurus niaga dengan kita.



Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat sambungan

Apa yang mesti anda lakukan:

- Rujuk kepada Carta Tahap Klasifikasi Data Cook untuk memahami tahap penjagaan keselamatan yang diperlukan bagi setiap jenis data.
- Ketahui tentang maklumat sulit yang ada di kawasan kerja anda.
- Fahami batasan undang-undang dan kontrak tentang penggunaan maklumat sulit.
- Kutip, gunakan, dedahkan, selenggarakan, simpan dengan selamat, dan lupuskan maklumat sulit selaras dengan undang-undang dan peraturan privasi data yang dikenakan.
- Dedahkan maklumat sulit dengan selamat kepada para pekerja lain hanya jika maklumat itu diperlukan bagi tugas mereka.
- Jangan dedahkan maklumat sulit kepada pihak di luar syarikat tanpa mendapatkan persetujuan bertulis yang sepatutnya. Perjanjian, syarat kerahsiaan, atau borang persetujuan yang betul boleh didapati daripada pasukan privasi Kumpulan Cook melalui alamat e-mel Privacy@CookGroup.com ataupun melalui talian telefon +001 812.331.1025.
- Simpan dan hantar maklumat sulit dengan betul (contohnya, sulitkan, lindungi dengan kata laluan, simpan dengan selamat di tempat berkunci, dan sebagainya).
- Jangan sekali-kali gunakan e-mel yang tidak disulitkan untuk memindahkan maklumat yang boleh mengenalkan diri seseorang (PII), maklumat tentang kesihatan seseorang (PHI), atau maklumat kad kredit.
- Serta-merta laporkan penggunaan tanpa izin, pendedahan, atau kehilangan maklumat sulit kepada penyelia anda dan juga kepada pengurus IT bagi tempat anda.

SUMBER:

- Persoalan tentang hak cipta:
[Pustakawan CRI CRI.Library@cookmedical.com](mailto:CRI.Library@cookmedical.com)
- Prinsip-prinsip Asas Undang-undang Hak Milik Intelektual (Brinks, Gilson, & Lione)

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet E&C:**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet Privasi Data:**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/priv>

Penyelidikan

Penyelidikan pasaran memberi kita pemahaman dan mengarahkan perniagaan dan penyelesaian kita ke depan.

Memandangkan kepelbagaian industri yang diceburi oleh Cook, beberapa jenis penyelidikan dijalankan. Beberapa standard yang sama juga dikenakan. Sesetengah penyelidikan menolong kita memahami keperluan dan perasaan pelanggan tentang produk dan perkhidmatan kita (contohnya, kaji selidik pemasaran tentang pelanggan, pembekal, atau tetamu). Jenis penyelidikan yang lain pula menolong kita menambah baik kaedah sains di sebalik produk perubatan kita.

Ketelusan sangat penting bagi penyelidikan kita dan dapat menolong kita mengelakkan interaksi yang mungkin mempengaruhi hasilnya dengan cara yang tidak berpatutan. Kami akui betapa pentingnya data yang tepat dan analisis data, dan kami komited terhadap usaha menyediakan hasil penyelidikan yang berkait dengan produk dan perkhidmatan kita, sama ada baik ataupun buruk, dengan segera dan tepat.

Industri peranti perubatan dan sains hayat

Apabila kita menjalankan penyelidikan klinikal, keutamaan kita yang tertinggi adalah untuk melayan peserta dengan selamat, mulia, dan hormat, selaras dengan undang-undang dan peraturan tempatan bagi perlindungan manusia yang diuji kaji. Borang persetujuan diperoleh daripada peserta kajian kita, dan kita berusaha melindungi mereka daripada risiko yang tidak sepatutnya ada sambil menolong mereka memahami sifat dan tujuan penyelidikan kita serta risiko-risiko yang berkait dengannya, jika ada.

Blok anugerah paten Cook



Penyelidikan sambungan

Apa yang mesti anda lakukan:

- Patuhi Standard Luar Yang Berkenaan serta standard etika dan profesional yang diterima.
- Lindungi kehidupan, keselamatan, kesihatan, privasi, dan maruah peserta penyelidikan.

Apabila penyelidikan dijalankan untuk Cook ataupun diterbitkan bagi pihak kita, kita berganding bahu dengan penyelidik yang berpengalaman melakukan jenis penyelidikan yang kita perlukan. Kita mahukan rakan-rakan ini sama-sama mendukung standard kita yang tinggi, dan kita memerlukan para penyelidik mendedahkan hubungan mereka dengan Cook. Kita komited terhadap pendedahan yang lengkap dan tepat tentang hubungan kewangan atau hubungan lain yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan kita.





Cook sebagai rakan perniagaan yang beretika

- Percanggahan kepentingan
- Interaksi perniagaan
- Pihak ketiga
- Periklanan dan promosi
- Antipakat dan persaingan yang wajar



Ingin mengetahui lebih lanjut?

Lihat [Lampiran](#) untuk melihat beberapa senario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan yang berkait dengan tajuk ini.

Percanggahan kepentingan

Jangan biarkan kepentingan peribadi menjelaskan keputusan perniagaan.

Percanggahan kepentingan berlaku apabila aktiviti atau kepentingan peribadi kita, ataupun seseorang yang rapat dengan kita, bercanggah dengan kepentingan Cook. Keputusan perniagaan hendaklah dibuat berdasarkan keperluan Cook dan bukannya keuntungan peribadi yang mungkin dapat diperoleh atau kepentingan ahli keluarga atau kawan-kawan. Anda dikehendaki menggunakan pertimbangan yang sewajarnya dan mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan percanggahan sebenar ataupun cuma kelihatan seolah-olah terdapat percanggahan. Yang berikut adalah beberapa situasi yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan:

Anda atau saudara anda memiliki kepentingan kewangan, pekerjaan atau jawatan dalam lembaga pengarah mana-mana syarikat pesaing, pengedar atau peniaga Cook.

Ahli keluarga, pasangan hidup, atau orang lain yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan anda bekerja dalam jabatan anda atau menganggotai pasukan pengurusan anda, ataupun berada di bawah pengurusan anda.

Anda melakukan pekerjaan kedua atau perniagaan sendiri yang mungkin bercanggah dengan tanggungjawab anda kepada Cook.

Anda memanfaatkan peluang peribadi berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui Cook.

Senario-senario yang berikut mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan. Jika mana-mana senario ini, ataupun senario seumpamanya, berkenaan dengan anda, hubungi pengurus anda ataupun jabatan Sumber Manusia.

- Pekerja Cook bercinta dengan pelanggan atau peniaga.
- Pasangan hidup pekerja Cook bekerja dengan pesaing.
- Pelanggan mempelawa pekerja Cook untuk menyertai suatu acara amal di luar negeri yang ditanggung semua belanjanya (contohnya, misi kemanusiaan).
- Pekerja Cook dipelawa menganggotai lembaga pengarah.
- Peniaga mempelawa pekerja Cook keluar berekreasi (golf, bermain ski, dan sebagainya).
- Pekerja bercinta dengan pekerja (pengurus/ anak buah).

Anda bertanggungjawab mendedahkan percanggahan yang diandaikan berdasarkan tanggapan, yang nyata, atau yang sebenarnya memang berlaku kepada pihak pengurusan untuk menentukan sama ada percanggahan wujud. Pengurus atau penyelia anda akan menentukan tindakan yang patut diambil dan mendokumenkan keputusan itu.



Interaksi perniagaan

Perniagaan yang baik memerlukan pertimbangan yang baik. Kita ikuti semua peraturan berkenaan dengan interaksi perniagaan dan menjalankan perkongsian berdasarkan kejujuran dan kepercayaan, dan bukannya melalui pertolongan istimewa.

Apabila kita menjalankan perniagaan bagi pihak Cook, kita mesti bertindak dengan adil, tanpa memilih kasih. Ini bermakna menggunakan akal budi untuk mengelakkan anggapan bahawa interaksi perniagaan kita telah atau boleh mempengaruhi keputusan perniagaan atau pembelian. Cook menjalankan perniagaan dalam pelbagai industri, dan penglibatan dalam interaksi perniagaan yang tidak berpatutan boleh memburukkan perniagaan dan reputasi Cook, dan boleh juga melanggar Standard Luar Yang Berkenaan.

Prinsip-prinsip pencegahan rasuah melarang perbuatan menghulurkan atau menyediakan apa-apa sahaja yang akan menguntungkan seseorang secara langsung ataupun tidak, dengan tujuan memperoleh kelebihan perniagaan untuk Cook (lihat [bahagian Pencegahan Rasuah](#) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya). Oleh itu, kami telah menyusun beberapa garis panduan yang berkaitan dengan interaksi perniagaan. Dasar, prosedur, dan panduan kita yang berkaitan dengan tanggungjawab melaporkan interaksi perniagaan disediakan untuk memastikan bahawa kita tidak memberikan sebarang manfaat yang boleh mempengaruhi pertimbangan yang profesional.

Peraturan tempatan yang berkenaan juga mesti dipatuhi dengan ketat. Jika dasar Cook bercanggah dengan peraturan tempatan, kita mesti mematuhi keperluan yang lebih tegas antaranya.

Ada kalanya, mungkin sukar ditentukan sama ada sesuatu interaksi perniagaan telah melampaui batasan ini. Ingatlah bahawa perbuatan menerima hadiah mungkin akan menyebabkan pemberi ataupun penerima hadiah itu merasakan bahawa dia mempunyai “pengaruh yang tidak wajar” atau bahawa amalan rasuah diterima. Oleh itu, kita mesti mempertimbangkan mesej yang kita sampaikan apabila memberi hadiah.

Interaksi perniagaan sambungan

Apakah maksudnya hadiah?

Hadiah ialah apa-apa sahaja yang bernilai, termasuklah barang-barang pemasaran seperti kemeja T berlogo, gubahan bunga dan buah-buahan, atau perkhidmatan seperti penggunaan kereta, jika penerima tidak dikehendaki membayar untuk mendapatkannya.

Apakah maksudnya jamuan rasmi yang sah?

Jamuan rasmi yang sah ialah jamuan yang diadakan untuk tujuan perbincangan perniagaan bagi pihak Cook.

Apakah maksudnya hiburan dan rekreasi?

Hiburan dan rekreasi ialah kehadiran di sesebuah acara, misalnya acara sukan, konsert, atau lakonan pentas, dan penerimanya tidak dikehendaki membayar untuk menghadirinya.

Anda dibenarkan melakukan sesuatu interaksi perniagaan jika interaksi itu:

- Selaras dengan Standard Bertulis Kumpulan Cook.
- Selaras dengan undang-undang tempatan serta amalan industri yang berpatutan dan beretika.
- Melibatkan pembayaran perbelanjaan yang berpatutan, yang berkait terus dengan suatu tujuan perniagaan (misalnya menghadiri seminar atau persidangan yang berkaitan dengan tanggungjawab anda bagi pihak Cook), dengan syarat anda mesti mendapatkan kelulusan penyelia anda dahulu.
- Tidak menimbulkan sebarang percanggahan atau menyebabkan kesetiaan anda berbelah bahagi.

Ibu Pejabat Global Cook, Bloomington, Indiana



Interaksi perniagaan sambungan

Anda tidak dibenarkan:

- Menerima wang tunai atau kesamaan tunai seperti kad hadiah.
- Menyertai interaksi perniagaan haram yang melanggar Standard Luar Yang Berkenaan.
- Meminta atau menerima hadiah atau perkhidmatan seperti penggunaan kereta semasa melawat bandar lain.
- Menerima apa-apa sahaja sebagai syarat untuk mendapat balasan. (Hadiah atau interaksi lain dianggap tidak berpatutan jika hadiah atau interaksi itu sama ada menyebabkan atau membayangkan bahawa anda terhutang budi untuk melakukan atau memberikan sesuatu sebagai balasan.)
- Menerima apa-apa sahaja yang boleh menyebabkan pemberinya melanggar Standard atau dasar syarikatnya atau institusinya sendiri.

Interaksi perniagaan berupa acara yang diadakan sekali-sekala sahaja sehubungan dengan kontrak yang sedia ada, misalnya mesyuarat kajian semula perniagaan, atau majlis makan malam, adalah munasabah dan tidak melanggar dasar ini, kecuali ada fakta-fakta yang membayangkan sebaliknya.

Anda mungkin menyertai interaksi perniagaan yang melanggar dasar atau standard kelakuan organisasi rakan itu tanpa anda sedari.

Interaksi dengan pakar kesihatan (HCP) dikawal oleh Standard Bertulis Kumpulan Cook. Sumber disediakan pada laman web E&C (<https://compliance.cookgroup.com>) dan mesti diikuti apabila berinteraksi dengan HCP.

Pengecualian interaksi perniagaan yang berkaitan dengan Standard Bertulis Kumpulan Cook mestilah dibincangkan, diluluskan, dan didokumenkan oleh jabatan Etika Dan Pematuhan yang berkenaan.



Pihak ketiga

Wajibkan pihak-pihak ketiga memenuhi standard kita yang tinggi.

Pihak ketiga yang bekerja bersama kita, termasuklah pembekal, peniaga, pengedar, perunding, pekerja kontrak sementara, dan agensi, diwajibkan oleh kontrak untuk mengikuti Standard Luar Yang Berkенаan, amalan perniagaan yang beretika, dan keperluan Standard Bertulis Kumpulan Cook berkenaan dengan buruh, kesihatan dan keselamatan, perlindungan persekitaran, dan sistem pengurusan. Pihak ketiga yang bekerja bersama Cook mesti menandatangani kontrak yang sepatutnya sebelum mula bekerja.

Apabila memilih pihak ketiga yang mungkin boleh diambil khidmatnya, kita mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan risiko, iaitu dengan merisik latar belakangnya untuk mengenali rakan perniagaan kita dengan lebih baik dan memahami pasaran dengan lebih baik.

K-Tube, Poway, California



Apa yang mesti anda lakukan:

- Beri pihak ketiga peluang bersaing dengan adil untuk mendapatkan urus niaga kita.
- Pertimbangkan sama ada terdapat konflik kepentingan yang boleh timbul sebelum berurus dengan pihak ketiga.
- Jangan sekali-kali minta, cadangkan, atau menyebabkan pihak ketiga melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang ataupun yang tidak berpatutan. Kita tidak dibenarkan meminta orang lain melakukan sesuatu yang kita sendiri dilarang lakukan.

Cook Medical menyediakan sumber yang dapat membantu apabila melibatkan pihak ketiga. Pasukan Pengurusan Rantaian Bekalan (SCM) dan Pengurusan Saluran Pengedaran (DCM) secara amnya bertanggungjawab mengendalikan pihak ketiga. Mintalah kerjasama pasukan SCM atau DCM untuk memilih pihak ketiga yang mempunyai reputasi kualiti dan integriti. Pasukan SCM atau DCM dapat memastikan bahawa perisikan latar belakang sebelum khidmat diambil dan aturan seterusnya dengan pihak ketiga semuanya mengikuti dasar-dasar Cook. Bagi perniagaan Cook yang lain, hubungi pengarah Program Cegah Rasuah Global di Kumpulan Cook.

Pihak ketiga sambungan

Selepas memulakan hubungan kerja dengan orang atau organisasi pihak ketiga, berwaspadalah akan tanda-tanda amaran tentang kelakuan yang tidak beretika ataupun yang tidak berpatutan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau berasa khuatir, dapatkan panduan daripada pengurus anda, jabatan Undang-undang, atau wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda.

Apabila membeli barang atau perkhidmatan, ingatlah bahawa Cook hanya membayar kepada pembekal barang atau perkhidmatan itu sendiri. Semua invois bagi penjualan barang atau perkhidmatan mestilah tepat dan jelas menyenaraikan barang-barang yang dibeli atau dijual, termasuklah harganya, diskaun, rebat, atau barang yang dibekalkan secara percuma.

Selain itu, kecuali dalam sesetengah keadaan yang telah diluluskan terlebih dahulu oleh jabatan Undang-undang, Cook tidak boleh membayar kepada pembekal barang atau perkhidmatan di negara selain negara tempat pembekal itu berada, menjalankan perniagaan, atau memberikan perkhidmatan.

SUMBER:

- Senarai Sekatan Perdagangan (laman web E&C)
- Pengarah Pematuhan Perdagangan Global di Kumpulan Cook

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet E&C:**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Pelbagai komponen daripada pembekal





Periklanan dan promosi

Promosikan perniagaan kita dengan jujur dan berintegriti.

Periklanan produk dan perkhidmatan Cook mestilah benar, dan dakwaan kita mestilah adil dan sahih. Cook berpegang pada dasar tidak melakukan periklanan yang mengabui mata, mahupun aktiviti promosi yang melanggar undang-undang. Dasar-dasar kita juga menetapkan bahawa bahan yang kita hasilkan untuk tujuan pemasaran dan penjualan produk dan perkhidmatan kita mesti disemak dan diluluskan sebelum disiarkan.

Pekerja Cook dan ejen-ejennya tidak dibenarkan mengutuk produk, perkhidmatan, atau pekerja pesaing.

Keperluan tambahan bagi industri peranti perubatan dan sains hayat

Pemasaran dan penjualan produk perubatan mesti mematuhi peraturan setiap negara di tempat produk itu dijual. Semua syarikat Cook yang memasarkan dan menjual produk perubatan, semua pekerja Cook, dan semua pengedar produk perubatan Cook mesti berjanji untuk memasarkan dan menjual produk perubatan Cook hanya untuk kegunaannya yang telah diluluskan, sebagaimana yang ditentukan oleh pengawal atur setiap negara di tempat produk perubatan itu didaftarkan dan dijual.

Sebelum memasukkan mana-mana butir yang berikut ke dalam bahan pemasaran, rujuk kepada dasar yang berkenaan atau bincanglah dengan jabatan Undang-undang atau wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda:

- Elaun periklanan dan promosi (contohnya, rebat dan diskau).
- Perbandingan antara produk syarikat dengan produk pesaing kita.
- Penggunaan tanda dagang dan nama dagang syarikat selain tanda dagang dan nama dagang Cook.

Kita juga dilarang mempromosikan produk sebelum diluluskan, ataupun mempromosikannya untuk kegunaan yang belum diluluskan oleh pengawal atur yang berkenaan. "Dakwaan pada label" ialah dakwaan yang disokong oleh pelabelan yang diluluskan bagi produk itu (juga disebut "arahan penggunaan" atau "IFU").

Antipakat dan persaingan yang wajar

Kejayaan milik kita apabila kita bersaing dengan wajar.

Dasar-dasar Cook direka untuk menyokong persaingan yang bebas dan wajar. Kejayaan kita yang berterusan bergantung pada kebolehan kita bersaing dengan berkesan di pasaran dalam semua industri yang kita ceburi. Kita mematuhi undang-undang persaingan setiap negara di tempat kita menjalankan perniagaan. Undang-undang antipakat dan persaingan wajar direka untuk melindungi pelanggan dan pesakit, serta mencegah amalan perniagaan yang tidak wajar, dengan cara melarang monopolii, penetapan harga, peletakan harga yang lebih rendah daripada pesaing, dan amalan lain yang menghalang perdagangan wajar.

Sungguhpun kita mengutip maklumat perniagaan tentang pesaing, namun kita berbuat demikian dengan cara yang dibenarkan oleh undang-undang dan beretika, misalnya dengan membaca dokumen-dokumen awam. Jangan galakkan orang lain mendedahkan maklumat sulit tentang syarikat lain. Selain itu, jangan sebarkan khabar angin tentang syarikat-syarikat lain, ataupun membuat spekulasi mengenai mutu produk atau perkhidmatan mereka.

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet Privasi Data**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Air pancut di Ibu Pejabat Global Cook, Bloomington, Indiana





Cook sebagai warga korporat yang baik

- Program cegah rasuah global
 - Pencegahan penyogokan
 - Pencegahan aktiviti pengubahan wang haram
 - Hak asasi manusia
- Perdagangan antarabangsa
- Perdagangan orang dalam
- Komunikasi dengan pihak media
- Media sosial
- Menyediakan maklumat untuk kerajaan
- Aktiviti politik dan melobi



Ingin mengetahui lebih lanjut?

Lihat [Lampiran](#) untuk melihat beberapa scenario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan yang berkait dengan tajuk ini.



Program cegah rasuah global

Pencegahan penyogokan

Dapatkan urus janji dengan cara yang betul, dan bukan dengan cara membelinya.

Kita secara tegasnya menentang penipuan, penyogokan dan rasuah. Undang-undang cegah penyogokan, dan cegah rasuah memerlukan komitmen kita masing-masing untuk mencegah pengaruh yang tidak berpatutan dalam segala kegiatan perniagaan kita. Fahamilah undang-undang ini dengan baik, termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat, Akta Penyogokan UK, dan undang-undang lain yang mungkin berkenaan dengan kegiatan perniagaan Cook di merata dunia. **Penyogokan salah di sisi undang-undang di mana jua.**

Kita menghendaki tahap etika yang tertinggi dalam segala kegiatan perniagaan kita. Selain mematuhi Standard Luar Yang Berkenaan, anda mesti mematuhi standard etika Cook dan mengikuti Standard Bertulis Kumpulan Cook, walaupun ia lebih tegas daripada adat atau amalan tempatan.

Semua warga Cook mesti memastikan bahawa perkhidmatan yang disampaikan oleh pihak ketiga bagi pihak Cook dilaksanakan dengan cara yang memenuhi kehendak kita, dan selaras dengan Standard Luar Yang Berkenaan dan Standard Bertulis Kumpulan Cook. Kita mesti mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk mengenali pihak ketiga sebelum menggunakan khidmat mereka, membayar nilai pasaran yang adil bagi perkhidmatan mereka, dan merekodkan semua bayaran dengan tepat.

Penyogokan dan rasuah menyekat pembangunan ekonomi dan sosial, menyumbang kepada kemiskinan, kelaparan, penyakit, dan jenayah, mewujudkan suasana perniagaan yang tidak adil, dan memudarangkan pelanggan. Oleh itu, negara-negara mengambil langkah untuk mencegah amalan sedemikian. Anda dilarang menawarkan, menjajikan, membuat, meluluskan, menyediakan, memohon, bersetuju menerima, atau mengambil bayaran, hadiah atau apa-apa sahaja yang bernilai dengan tujuan mendapatkan atau mengekalkan kelebihan perniagaan dengan cara yang menyalahi undang-undang. Panduan ini hendaklah diikuti sama ada anda bekerja secara langsung ataupun secara tidak langsung melalui pihak ketiga, dan selaras dengan Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat, Akta Penyogokan UK, dan undang-undang cegah rasuah antarabangsa yang lain, yang berkait dengan pencegahan penyogokan dan rasuah.

Cook Australia, Brisbane



Program cegah rasuah global sambungan

Pencegahan aktiviti pengubahan wang haram

Lindungi keutuhan semua transaksi kewangan.

Pengubahan wang haram ialah proses yang digunakan oleh penjenayah, penganas, dan pihak-pihak lain untuk memindahkan wang yang diperoleh daripada kegiatan haram melalui perniagaan yang sah supaya wang itu kelihatan sah. Kita menjalankan perniagaan dengan cara yang mencegah amalan begini.

Apa yang mesti anda lakukan:

- Berwaspada, kenali pelanggan kita dan ketahui cara mereka menggunakan produk dan perkhidmatan kita.
- Jalankan perniagaan hanya dengan pihak ketiga yang mempunyai reputasi baik dan telah diperiksa dengan teliti, dan yang menjalankan kegiatan perniagaan yang sah.
- Laporkan kegiatan yang dicurigai kepada pejabat Etika Dan Pematuhan Global.

**Untuk menggunakan sumber yang disediakan,
sila ke laman intranet Privasi Data**

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Cook Ireland, Limerick



Program cegah rasuah global sambungan

Hak asasi manusia

Muliakan maruah dan hak asasi setiap orang.

Cook berusaha memastikan bahawa tindakan kita tidak memudaratkan hak asasi manusia sama ada secara langsung ataupun melalui tindakan rakan perniagaan kita. Kita bermatlamat hendak menjadi suri teladan sosial yang positif, dan menggalakkan hak asasi manusia dengan mengikuti undang-undang buruh, gaji, dan kiraan jam yang dikenakan.

Kita menggunakan amalan penyaringan supaya kita tidak menjalankan perniagaan tanpa disedari dengan mana-mana orang atau syarikat dalam rantai bekalan kita yang terlibat dengan hukuman fizikal, buruh paksa atau buruh banduan, buruh kanak-kanak, eksplotasi pekerja, atau perdagangan manusia. Kita mahukan peniaga pihak ketiga, pembekal, dan rakan-rakan perniagaan yang lain berkongsi komitmen kita. Kita mengambil langkah untuk memastikan bahawa pengabdian dan perdagangan manusia tidak berlaku dalam organisasi kita ataupun dalam rantai bekalan kita.

Kita juga harus mencari sumber galian konflik, yang didefinisikan sebagai timah, tantalum, tungsten, dan emas, dengan cara yang bertanggungjawab, berdasarkan undang-undang yang mewajibkan kita mendedahkan penggunaannya, dan kita menghendaki semua orang yang berurusan dengan kita untuk mematuhi standard yang serupa, yang berkait dengan pencarian sumber galian konflik.

Apa yang mesti anda lakukan:

- Hormati dan patuhi semua undang-undang pekerjaan yang dikenakan di lokasi anda beroperasi.
- Jangan libatkan diri dengan perbuatan mencabuli hak asasi manusia dan jangan berurusan dengan pihak-pihak yang mencabulinya.
- Berkatalah sesuatu jika anda nampak atau mengesyaki bahawa undang-undang buruh atau hak asasi manusia mungkin telah dilanggar.

Kubah Hotel West Baden



Perdagangan antarabangsa

Kita menghormati undang-undang yang mengawal perdagangan antarabangsa.

Berbilang negara di tempat Cook menjalankan perniagaan mengamalkan undang-undang yang mengawal eksport dan import teknologi (maklumat dan perisian), maklumat peribadi, peranti perubatan, dan barang lain. Kerajaan-kerajaan juga mungkin mengenakan larangan perdagangan, termasuklah sekatan, terhadap negara, syarikat, organisasi, atau orang yang tertentu. Cook mematuhi peraturan perdagangan yang ada kesan terhadap perniagaan kita. Pelanggaran undang-undang ini menimbulkan risiko terhadap kebolehan Cook berkhidmat kepada pelanggan dan boleh mengakibatkan denda dan hukuman.

Peraturan perdagangan sangat kompleks. Antara contoh peraturan penting yang mesti kita patuhi ialah:

Sekatan negara (kawalan destinasi)

Amerika Syarikat, negara-negara Kesatuan Eropah, dan beberapa negara lain mengenakan sekatan dan batasan perdagangan terhadap negara dan kawasan lain. Untuk mengetahui sekatan yang dikenakan sekarang, lihat Senarai Sekatan Perdagangan Cook pada laman web E&C.

Pihak-pihak yang dilarang (kawalan pengguna akhir)

Sekatan dan larangan yang dikenakan terhadap orang, kumpulan, atau organisasi tertentu yang telah dikenal pasti sebagai pengganas, golongan yang menyokong keganasan, pengedar dadah, dan sebagainya dikendalikan melalui pelbagai senarai pihak yang dilarang.

Kegiatan yang dilarang (kawalan penggunaan akhir)

Kawalan ini melarang transaksi dengan “pengguna akhir” yang terlibat dengan penghasilan senjata kimia atau biologi, penghasilan peluru balistik, atau kegiatan nuklear yang sensitif, walaupun barang transaksi tidak nyata berkait dengan kegiatan tersebut.

Komoditi dan teknologi dwiguna Amerika Syarikat (termasuklah “barang yang dianggap sebagai eksport”)

Produk, perisian, peralatan, dan teknologi berkait yang tertentu mungkin dilarang oleh kerajaan Amerika Syarikat dan memerlukan kelulusan lesen eksport, walaupun jika dihantar kepada pelanggan di negara yang mesra untuk kegunaan yang aman. Menurut undang-undang Amerika Syarikat, pemindahan teknologi (data teknikal dan perisian) kepada warga asing yang sedang berada di Amerika Syarikat “dianggap” sebagai barang yang dieksport ke negara warga asing itu dan mungkin memerlukan kelulusan lesen eksport. Program Eksport Anggapan Cook, melalui fungsi kejuruteraan, menguruskan interaksi dengan teknologi yang dikawal eksportnya.

Perdagangan antarabangsa sambungan

“Tanda amaran” lencongan eksport

“Tanda amaran” ialah amaran bahawa sesuatu eksport itu mungkin melibatkan destinasi akhir, penerima pengguna akhir, atau penggunaan akhir yang tidak sama dengan yang dinyatakan. Amaran ini biasanya berupa maklumat, sama ada berbentuk lisan atau bertulis, yang menimbulkan keraguan tentang keselarasan atau ketepatan butir-butir berkenaan mana-mana aspek sesuatu eksport. “Tanda amaran” perlu diselesaikan sebelum langkah diteruskan.

Larangan pemulauan Amerika Syarikat

Peraturan ini melarang penyertaan dalam aktiviti pemulauan tanpa kelulusan terhadap sesebuah negara, termasuklah pemulauan oleh Liga Arab terhadap Israel, dan menjaskan anak-anak syarikat asing kepada syarikat yang dimiliki oleh Amerika Syarikat.

Klasifikasi (kod tarif)

Barangan import mesti dikelaskan menurut sistem pengekodan jadual tarif bagi destinasinya untuk menentukan kadar duti import (cukai yang dipungut bagi barangan import) dengan betul dan untuk menyokong keperluan kastam dan statistik yang lain.

Penilaian kastam

Dokumen komersial yang menyokong kemasukan import atau pemfailan eksport mesti mencerminkan nilai transaksi jualan barangan tersebut, ataupun kos barangan itu jika tidak dijual. Pelarasian nilai untuk tujuan mengurangkan duti atau cukai kastam tidak dibenarkan.

Untuk mendapatkan bantuan memahami mana-mana perkara ini, lihat laman web E&C dan/atau hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda atau pejabat Pematuhan Perdagangan Global di Kumpulan Cook.

SUMBER:

- Poster Etika Dan Pematuhan: Perdagangan antarabangsa

Untuk menggunakan sumber yang disediakan, sila ke laman intranet E&C:

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Cook Winston-Salem, North Carolina




Perdagangan orang dalam

Jangan berdagang berdasarkan maklumat orang dalam

Semasa bekerja dengan Cook, anda mungkin mendapat maklumat yang tidak ketahui umum, yang berkait dengan rakan perniagaan atau syarikat lain serta kegiatan perniagaan mereka. Lindungi maklumat yang tidak ketahui umum dan jangan sekali-kali gunakan maklumat itu untuk membuat keputusan tentang pembelian atau penjualan sekuriti. Perdagangan orang dalam merujuk kepada amalan haram membeli atau menjual saham (milik mana-mana syarikat yang berkait dengan perniagaan kita, termasuklah pelanggan, peniaga, pembekal atau pesaing kita) ketika memiliki "maklumat penting yang tidak diketahui umum" tentang kegiatan perniagaan sesebuah syarikat.

- Maklumat "penting" ialah maklumat yang akan dianggap mustahak oleh pelabur yang berhemah apabila membuat keputusan untuk membeli, menyimpan, atau menjual sekuriti sesebuah syarikat. Maklumat yang menjelaskan harga saham syarikat lain biasanya "penting."
- Maklumat dianggap sebagai "tidak ketahui umum" sehingga maklumat itu boleh didapati oleh orang ramai (melalui siaran akhbar, bahan komunikasi kepada pemegang saham, atau pemfailan awam dengan badan kawal atur yang berkenaan, contohnya) dan setelah orang awam dan pasaran kewangan mendapat masa yang secukupnya untuk membaca dan memahami maklumat tersebut.

Ruang legar Ibu Pejabat Global Cook



Perdagangan orang dalam sambungan

Antara contoh maklumat orang dalam ialah hasil pencapaian kewangan, unjuran pendapatan, perubahan pada barisan pengurusan kanan, pelancaran produk baharu, atau maklumat orang dalam tentang rancangan membeli atau menjual syarikat lain. Maklumat orang dalam juga mungkin merangkumi maklumat tentang produk baharu yang sedang dihasilkan atau perubahan pada strategi perniagaan.

Perdagangan orang dalam adalah salah dan tidak beretika di bawah undang-undang persekutuan Amerika Syarikat dan undang-undang sekuriti tempatan yang lain.

Apa yang mesti anda lakukan:

Jika anda mengetahui maklumat “penting yang tidak diketahui umum” tentang sesbuah syarikat, jangan:

- Beli atau jual saham, opsyen, bon, atau instrumen hutang yang lain milik syarikat itu.
- Beritahu atau “beri tip” kepada sesiapa dengan memberi mereka maklumat yang tidak ketahui umum itu.

HARAP AMBIL MAKLUM:

Semasa menjalankan tugas, anda mungkin menerima maklumat yang penting ataupun yang tidak ketahui umum tentang Cook atau tentang syarikat lain. Anda mesti merahsiakan maklumat ini dan anda dilarang mendagangkan saham syarikat lain berdasarkan pengetahuan anda ini.

SUMBER:

- Dasar Perdagangan Orang Dalam

Untuk menggunakan sumber yang disediakan, sila ke laman intranet E&C:

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Cook Research Inc., West Lafayette, Indiana





Komunikasi dengan pihak media

Hanya orang yang diberi kuasa dibenarkan bercakap bagi pihak Cook.

Cook akan menjawab pertanyaan yang sah daripada pihak media dengan cara yang kooperatif dan bertanggungjawab. Reputasi kita dalam komuniti di sekeliling kita bergantung pada kemudahan menggunakan saluran yang bersesuaian untuk berbincang dan memberikan maklumat yang tepat, segera, dan konsisten. Kita hanya memberi kuasa kepada pekerja yang tertentu untuk bercakap dengan pihak media. Mereka yang diberi kuasa akan diberitahu oleh jabatan Pemasaran Dan Komunikasi Korporat. Semua pertanyaan daripada pihak media hendaklah ditujukan kepada jabatan Pemasaran Dan Komunikasi Korporat di negara atau kawasan anda. Dasar ini hendaklah diikuti walaupun dalam situasi krisis atau apabila syarikat kita muncul dalam berita.

SUMBER:

- Dasar Media Sosial

Untuk menggunakan sumber yang disediakan, sila ke laman intranet E&C:

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Media sosial

Berjaga-jagalah semasa menjalankan aktiviti dalam talian.

Media sosial mengubah cara pekerja bertugas dan berurusan dengan satu sama lain, klien, dan rakan kongsi. Kita telah membuat keputusan strategi untuk menggunakan media sosial. Walau bagaimanapun, kita akan terus menyeru agar pekerja kita menggunakan media sosial dengan cara yang bertanggungjawab, menurut undang-undang, dan profesional, yang antaranya merangkumi kepatuhan undang-undang perlindungan data yang berkenaan. Untuk membantu pekerja mengelakkan aspek-aspek negatif media sosial, kami menyediakan dasar media sosial. Yang berikut ialah beberapa garis panduan yang perlu diikuti daripada dasar tersebut:

Anda sendiri bertanggungjawab terhadap kandungan yang anda siarkan pada mana-mana pelantar media sosial. Jika anda bercakap tentang pekerjaan anda atau tentang perniagaan kita pada pelantar media sosial, anda mesti menggunakan penafian seperti ini: "Ini pandangan saya sendiri dan bukan pandangan Cook Medical."

Jangan siarkan apa-apa tentang produk atau jenama Cook, mahupun gambar produk kita pada mana-mana pelantar sosial, termasuklah kumpulan peribadi/tertutup.

Hormati privasi dan hak kerahsiaan orang lain, termasuklah pesakit, pelanggan, dan pekerja Cook.

Menyediakan maklumat untuk kerajaan

Fahami kewajipan kita.

Cook mematuhi undang-undang setiap negara, mengikut maksudnya yang tersurat dan tersirat, di tempat kita menjalankan perniagaan.

Pekerja dan ejen Cook (syarikat atau orang yang bertindak bagi pihak kita) dikehendaki menghormati dan mematuhi Standard Luar Yang Berkenaan dan memenuhi permintaan maklumat yang sah dengan tepat dan segera. Pihak pengurusan Cook mesti dimaklumkan serta-merta mengenai sebarang pertanyaan oleh kerajaan, pengawal atur, atau pihak media supaya kita dapat menjawab dengan betul dan lengkap. Jika anda dihubungi oleh orang atau agensi luar, hubungi pihak pengurusan atau jabatan Undang-undang Kumpulan Cook dengan serta-merta.

Cook Aviation, Bloomington, Indiana



Keperluan tambahan bagi industri peranti perubatan dan sains hayat

Di sesetengah negara, kita diwajibkan oleh undang-undang untuk memberikan maklumat kepada kerajaan negara itu mengenai interaksi kewangan tertentu yang kita lakukan dengan pakar kesihatan. Negara dan peraturan ini merangkumi tetapi tidak terbatas kepada:

- Amerika Syarikat—Akta Bayaran Terbuka
- Perancis—Akta Sunshine Perancis (undang-undang Le loi Bertrand)
- Denmark—Akta Penggabungan HCP/Akta Sunshine Denmark
- Korea—Akta Sunshine Korea
- Jepun—Garis Panduan Ketelusan Bagi Industri Peranti Perubatan Dan Hubungannya Dengan Institusi Perubatan Dan Organisasi Lain

Undang-undang baru diluluskan setiap tahun. Supaya kita dapat memenuhi keperluan pelaporan ini, semua interaksi anda dengan HCP mestilah telus dan anda mesti merekodkan semua interaksi kewangan dengan HCP secara tepat.

Aktiviti politik dan melobi

Libatkan diri dengan aktiviti politik secara bertanggungjawab.

“Aktiviti politik” ialah aktiviti yang bertujuan mencapai kejayaan atau kegagalan sesebuah parti politik, calon jawatan awam, atau kumpulan politik.


Dasar Cook menghendaki semua pekerja Cook memahami dan mematuhi Standard Luar Yang Berkenaan, termasuklah keperluan yang mengawal interaksi politik dengan pegawai kerajaan, calon politik, parti politik, dan jawatankuasa tindakan politik. Kewajipan undang-undang ini mungkin berbeza di setiap negara, malah juga berbeza di setiap bahagian negara yang sama. Jika anda ingin bertanya atau jika anda memerlukan panduan tambahan, hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan panduan.

“Melobi” merangkumi aktiviti yang bertujuan mempengaruhi dasar undang-undang, dasar pentadbiran, atau dasar-dasar lain yang digunakan oleh sesebuah entiti kerajaan.

Cook menyokong prinsip-prinsip penyertaan korporat yang bertanggungjawab dalam perbahasan dasar awam pada peringkat persekutuan, negeri, dan tempatan tentang hal-hal yang mempengaruhi urusan syarikat. Penyertaan dalam pembentukan dasar awam dipandang oleh Cook sebagai suatu unsur tanggungjawab korporat terhadap masyarakat.

Sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang, sumber korporat boleh digunakan untuk menyokong aktiviti melobi, termasuklah menyediakan kakitangan dan belanjawan untuk organisasi dan pekerja perhubungan kerajaan dan dasar awam Cook yang terlibat dengan aktiviti melobi. Sumber korporat boleh digunakan melalui fungsi Hal Ehwal Kerajaan Global untuk mengambil khidmat perunding bagi tujuan menyokong aktiviti melobi, membayar yuran persatuan dan organisasi keahlian yang melakukan aktiviti melobi, dan menyokong badan pakatan melobi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan hasil dasar awam yang khusus.

Pintu masuk Hotel West Baden



Aktiviti politik dan melobi sambungan

Pekerja Cook tidak dibenarkan cuba mewakili kedudukan atau pendirian Cook tentang sebarang isu di arena awam tanpa menghubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempatnya untuk mendapatkan panduan.

Sungguhpun terdapat beberapa pengecualian, namun di kebanyakan negara, pekerja sesebuah syarikat seperti Cook dilarang menghulurkan hampir semua jenis hadiah peribadi kepada pegawai atau kakitangan awam dan/atau pasangannya, walaupun kos bagi hadiah tersebut tidak digantikan oleh syarikat yang berkenaan. Peraturan ini merangkumi sebarang hadiah yang mempunyai nilai kewangan termasuklah tambang perjalanan, jamuan makan, hiburan, tiket masuk ke acara sukan, bayaran untuk menggunakan padang golf, dan sebagainya. Peraturan ini tidak merangkumi sumbangan politik yang dibuat menurut undang-undang pilihan raya persekutuan di Amerika Syarikat. Jika anda ingin bertanya tentang larangan ini, hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan panduan

Cook mengawasi dengan rapi Standard Luar Yang Berkenaan yang berkenaan dengan keperluan pendaftaran dan pelaporan bagi aktiviti melobi, termasuklah undang-undang dan peraturan perculaian yang berkait dengan aktiviti melobi, supaya Cook, para pegawainya, dan semua pekerjanya mematuhi standard tersebut. Sebagaimana yang diwajibkan oleh undang-undang, Cook akan memfailkan dokumentasi yang membutirkkan aktiviti melobi yang dilakukannya, dengan entiti kerajaan yang berkenaan pada peringkat kebangsaan, persekutuan, negeri, dan tempatan.

SUMBER:

- Standard Bertulis Kumpulan Cook tentang Interaksi Politik
- Manual Untuk Pekerja – Kelakuan Pekerja: Pencarian Pelanggan Dan Pengedaran

Untuk menggunakan sumber yang disediakan, sila ke laman intranet E&C:

<https://intranet.cookmedical.com/cbf/ec>

Kubah Hotel West Baden





Cook sebagai jiran yang bertanggungjawab

- Penglibatan dengan komuniti

Penglibatan dengan komuniti

Sokong penduduk dalam komuniti di tempat kita tinggal dan bekerja.

Kumpulan Cook sentiasa berusaha menjadi jiran yang baik dalam setiap komuniti di lokasi syarikat-syarikat kita. Kita akui peluang yang ada dan kewajipan kita untuk menolong komuniti kita membangun dan berkembang maju, dan kita ambil pendekatan proaktif untuk mengusahakannya setiap hari.

Daripada mula lagi, keluarga Cook memupuk semangat kedermawanan yang kukuh dalam syarikat ini. Berdasarkan salah satu bidang kegemaran keluarga ini, kita telah memulihkan, memelihara dan mengubah penggunaan berdozen-dozen bangunan yang penting dari segi seni binanya. Antaranya ialah: Pusat peranganan French Lick dan West Baden di Indiana selatan; pusat beli-belah Fountain Square, rumah tumpangan Grant Street Inn, dan Graham Plaza di Bloomington, Indiana; serta sebahagian daripada kawasan dataran di pusat bandar Canton, Illinois (kampung halaman Encik Bill Cook). Projek-projek ini telah berjaya menghidupkan semula ekonomi dan aktiviti dalam komuniti di tempat tinggal pekerja-pekerja kita.

Kita juga pernah terlibat dengan projek dan program sosial, pendidikan, persekitaran, dan kebudayaan lain yang bertujuan menambah baik kehidupan komuniti kita.

Pengubahsuaian Hotel West Baden



Penglibatan dengan komuniti sambungan

Antara usaha perkongsian dengan komuniti ini ialah:

- Menyokong acara pengutipan wang bagi organisasi bukan untung.
- Membantu penubuhan klinik kesihatan untuk orang dan keluarga yang berpendapatan rendah.
- Membina sokongan bagi kemudahan senaman komuniti.
- Menganjurkan acara seni dan kebudayaan.
- Berganding bahu dengan sekolah dan kolej bagi menawarkan pendidikan yang berterusan untuk pekerja kita.
- Menghubungkan pekerja Cook dengan program kelas tuisyen sukarela untuk kanak-kanak.
- Menyokong misi kemanusiaan, iaitu dengan menyediakan bekalan dan kepakaran perubatan untuk membantu pesakit di negara-negara yang sedang membangun.
- Menaja persatuan sukan tempatan untuk kanak-kanak.
- Menyokong rumah anak yatim tempatan pada musim percutian.

Kesan yang kita tinggalkan terhadap kehidupan manusia tidak terbatas kepada produk dan perkhidmatan yang kita sediakan. Apabila kita menambah baik sesebuah komuniti, kita juga menambah baik kehidupan pekerja kita sendiri, termasuklah keluarga mereka. Jiran yang baik menolong menjadikan komunitinya tempat yang kita semua ingin tinggal dan bekerja.

William Cook Europe (WCE)





Cook sebagai tempat kerja yang hebat

- Amalan pekerjaan
 - Kepelbagai dan keterangkuman
 - Tempat kerja yang penuh hormat
- Kesihatan dan keselamatan persekitaran
- Aset dan harta benda



Ingin mengetahui lebih lanjut?

Lihat [Lampiran](#) untuk melihat beberapa senario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan yang berkait dengan tajuk ini.



Amalan pekerjaan

Layan satu sama lain dengan hormat dan mulia.

Kumpulan Cook berusaha menjadi syarikat yang diingini sebagai tempat kerja. Kita menghargai kepelbagaian dan keterangkuman. Pengambilan pekerja baharu, perkembangan pekerja, kenaikan pangkat, dan nilai saraan seseorang didasarkan pada kelayakan, kemahiran dan prestasi. Kita tidak membuat keputusan tentang hal-hal ini berdasarkan ciri-ciri peribadi seperti jantina, identiti jantina, bangsa, keturunan, warna kulit, negara asal, agama, umur, orientasi seksual, kehamilan, taraf perkahwinan atau kedudukan keluarga, taraf veteran, ketidakupayaan, atau mana-mana kelas lain yang dilindungi.

Kita melindungi pekerja daripada keadaan kerja yang tidak adil, tidak beretika, atau tidak selamat, dan kita tidak menggunakan buruh ikatan, paksa, atau kanak-kanak.

Kepelbagaian dan keterangkuman

Kami percaya bahawa pasukan pekerja yang mempercayai, menghormati, dan melaksanakan pendekatan, penyelesaian, dan sumbangan yang berbeza-beza mampu menambah baik produk yang kita hasilkan atau perkhidmatan yang kita sampaikan. Oleh itu, kami ingin mewujudkan suasana keterangkuman yang membolehkan pekerja apa juu latar belakang menyumbang sepenuhnya.

Kami menghendaki anda melayan pekerja lain dengan hormat dan mulia, sebagaimana anda ingin dilayan. Ingat, kita tidak akan menerima sebarang bentuk diskriminasi.

Tempat kerja yang penuh hormat

Kita tidak akan menerima tingkah laku yang mewujudkan suasana kerja yang membuatkan orang lain berasa tersinggung, terhina atau takut. Kita berusaha memelihara tempat kerja yang bersuasana positif supaya anda boleh bekerja tanpa berasa risau.

Membuli atau gangguan boleh dilakukan secara lisan, fizikal, atau visual, dalam pelbagai bentuk. Jika anda merasakan bahawa anda diganggu, atau jika anda mengesyaki bahawa seseorang itu sedang diganggu, kemukakan kebimbangan anda itu dengan yakin supaya Cook dapat menanganinya. Cook tidak akan membiarkan sahaja tindakan balasan terhadap sesiapa yang mengemukakan kekhuitirannya dengan suci hati.

Anda juga boleh menggunakan [Talian Bantuan E&C](#) untuk melaporkan kebimbangan anda.

Kesihatan dan keselamatan persekitaran

Melindungi persekitaran ialah tanggungjawab kita bersama.

Kita semua berhak bekerja dalam suasana yang selamat dan sihat. Amalan yang tidak selamat boleh membawa akibat yang serius, misalnya kecederaan diri ataupun kecederaan terhadap rakan sekerja dan orang lain. Kita mahukan tempat kerja yang melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja kita serta orang yang berurus niaga dengan kita. Dasar-dasar Cook telah disusun untuk:

- Melindungi para pekerja, jiran tetangga, dan persekitaran.
- Menguruskan isu-isu kesihatan dan keselamatan persekitaran, dengan menggunakan usaha sama seluruh syarikat, penglibatan oleh para pemimpin, serta standard dan sistem pengurusan.
- Mengenal pasti, menyingkirkan, dan mencegah keadaan yang membahayakan di tempat kerja serta risiko terhadap persekitaran, yang mungkin berkaitan dengan produk, perkhidmatan, dan operasi kita.
- Menggalakkan amalan dan komuniti yang dapat melestarikan persekitaran.

Cook Advanced Technologies, West Lafayette, Indiana



Kesihatan dan keselamatan persekitaran sambungan

Apa yang mesti anda lakukan:

- Ikuti dasar, prosedur, panduan, dan Standard Luar Yang Berkenaan yang berkenaan dengan persekitaran, kesihatan, dan keselamatan.
- Jaga kelakuan diri anda agar sentiasa selamat dan bertanggungjawab.
- Perhatikan dan kenali kawasan di sekitar anda, serta ambil langkah-langkah pencegahan yang berpatutan dan bersesuaian dengan situasi.
- Galakkan budaya keselamatan, dan cuba kurangkan keadaan yang berbahaya di tempat kerja dan kesan yang buruk terhadap persekitaran.
- Laporkan situasi yang membahayakan tempat kerja kita, termasuklah tingkah laku yang berbahaya atau perbuatan fizikal yang boleh memudaratkan manusia atau merosakkan harta benda.

Bekerja di bawah pengaruh dadah (yang juga merangkumi sesetengah ubat preskripsi) dan arak boleh menimbulkan bahaya terhadap keselamatan di samping menjelaskan keselamatan diri anda serta keselamatan orang lain. Kita tidak membenarkan pekerja menggunakan dadah atau arak, mahupun berada di bawah pengaruhnya, semasa bekerja ataupun semasa menjalankan perniagaan Cook (kecuali meminum arak secara bertanggungjawab yang dibenarkan sehubungan dengan acara tajaan syarikat). Penjualan, pengedaran, dan pemilikan dadah yang diharamkan juga dilarang semasa berada di kawasan syarikat.

Senjata tidak dibenarkan di dalam bangunan syarikat Cook, kecuali diluluskan oleh jabatan keselamatan global.

Hotel & Resort French Lick





Aset dan harta benda

Jadilah penjaga sumber kita yang baik.

Aset dan harta benda Cook dimaksudkan untuk kegunaan perniagaan Cook sahaja melainkan terdapat pengecualian, contohnya kenderaan Cook yang disediakan untuk kegunaan pekerja. Aset dan harta benda merangkumi harta benda fizikal (misalnya peralatan komputer), harta intelektual, rahsia perdagangan, dan kepakaran. Kita semua mesti menggunakan pertimbangan yang sewajarnya untuk melindungi aset Cook supaya tidak hilang, dicuri, disalahgunakan, dan dibazirkan. Aset kita merangkumi tetapi tidak terbatas kepada:

- Kemudahan dan peralatan. Aset mesti diselenggarakan dengan baik dan dilindungi daripada kecurian dan salah guna.
- Reputasi kita. Walaupun ini aset yang tidak nyata, namun reputasi kita sebagai pembekal produk dan perkhidmatan yang bermutu, penglibatan kita dengan komuniti, dan hubungan perniagaan kita yang beretika telah dibina bertahun-tahun. Kita masing-masing memikul kewajipan bertingkah laku dan bercakap dengan cara yang melindungi dan menambah baik reputasi Cook.

Apa yang mesti anda lakukan:

- Gunalah harta benda syarikat dengan betul dan cekap, sambil mengikuti dasar dan panduan syarikat serta peraturan yang ditetapkan.
- Belanjalah wang syarikat dengan bijak.
- Lindungi harta benda syarikat daripada kecurian, kehilangan, pengambilan atau penggunaan tanpa izin, dan pembaziran.
- Jangan gunakan harta benda syarikat untuk menguntungkan diri sendiri.

Ikuti dasar tempatan Cook berhubung dengan waktu dan tempat yang betul. Sistem penghantaran maklumat (misalnya e-mel dan telefon) boleh digunakan sekali-sekala untuk kegunaan peribadi yang berpatutan. Walau bagaimanapun, penggunaan peribadi begini tidak boleh menjelaskan keselamatan maklumat Cook. Ingatlah bahawa Cook boleh memantau, mengambil, membaca, dan mendedahkan maklumat yang disimpan pada harta benda, sistem, atau alat milik Cook, kecuali dilarang oleh undang-undang tempatan. Kami boleh meminta anda memulangkan harta benda milik syarikat pada bila-bila masa.

Melaporkan kebimbangan

Mengamalkan nilai-nilai Cook.

Setiap pekerja Cook bertanggungjawab terhadap etika dan kepatuhan. Anda digalakkan melaporkan pelanggaran Standard Bertulis Kumpulan Cook atau Standard Luar Yang Berkennaan yang berlaku ataupun yang disyaki berlaku kepada pihak pengurusan ataupun melalui [Talian Bantuan E&C](#).

Dasar larangan mengenakan tindakan balasan

Larangan mengenakan tindakan balasan bermaksud bahawa jika anda melaporkan kebimbangan anda dengan niat baik, akibat buruk kerana mengemukakan laporan begitu, misalnya dipecat, diturunkan pangkat, diberi jawatan yang kurang diingini, digantung kerja, atau dikurangkan ataupun ditahan manfaat pekerjaan, tidak akan dibiarkan berlaku. Tindakan balasan yang disyaki berlaku hendaklah dilaporkan kepada jabatan Sumber Manusia.

KETAHUILAH

Apakah maksud mengemukakan laporan dengan "niat baik"?

"Niat baik" bermaksud anda dengan jujurnya percaya bahawa pelanggaran mungkin berlaku dan bahawa anda tidak mengemukakan laporan palsu.


Talian Bantuan E&C

Talian percuma dan arahan mendail boleh didapati pada laman web pelaporan Talian Bantuan E&C. Laman web:
<https://cook.ethicspoint.com>

Cook Regentec, Indianapolis, Indiana



PANDUAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BERETIKA



LAMPIRAN:

Scenario, soal jawab, senarai semakan, dan alat bantuan keputusan

- Produk dan perkhidmatan yang bermutu
- Pengurusan dokumentasi dan rekod perniagaan
- Privasi data
- Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat
- Penyelidikan
- Percanggahan kepentingan
- Interaksi perniagaan
- Pihak ketiga
- Periklanan dan promosi
- Antipakat dan persaingan yang wajar
- Program cegah rasuah global
- Perdagangan antarabangsa
- Komunikasi dengan pihak media
- Media sosial
- Aktiviti politik dan melobi
- Amalan pekerjaan
- Kesihatan dan keselamatan persekitaran
- Aset dan harta benda

Produk dan perkhidmatan yang bermutu

(Perubatan dan Bukan Perubatan)

Waktu membuat keputusan

Mengikuti prosedur

Pekerja di kawasan saya tidak selalunya mengikuti dokumen prosedur apabila melakukan tugas yang tertentu. Malah, seorang pekerja telah berjaya menemui jalan pintas dan dia menggalakkan pekerja lain menggunakanannya. Saya tidak mahu rakan-rakan sekjera saya tahu bahawa saya telah melaporkan hal ini, tetapi saya bimbang tentang kualiti. Apakah yang harus saya lakukan?

Laporkan hal itu dengan segera kepada penyelia atau pengurus anda, atau gunakan [E&C](#) (tanpa mendedahkan nama anda, jika dibenarkan oleh undang-undang). Kegagalan melaporkan masalah itu boleh mengakibatkan produk atau perkhidmatan kita tidak menepati standard, masalah kawal atur, atau isu lain yang serius. Laporan anda akan dirahsiakan dengan seketar-ketatnya dalam keadaan tersebut.

Waktu membuat keputusan

Aduan tentang produk

Apakah yang harus saya lakukan jika saya menerima aduan tentang produk Cook daripada salah satu pelanggan saya?

Jika anda mendapat tahu tentang masalah yang berlaku ketika produk Cook Medical atau Life Sciences digunakan, laporan masalah itu dengan serta-merta kepada orang atau kumpulan dalam Cook yang telah ditentukan. Jabatan Sokongan Pelanggan Dan Penghantaran di kawasan anda boleh memberi tunjuk ajar tentang cara melaporkan aduan tersebut. Cook mesti melaporkan kejadian sedemikian bagi setiap produk kita dalam masa 24 jam selepas mengetahuinya, walaupun kita kurang pasti sama ada terdapat hubungan bersifat "punca dan kesan" antara produk kita itu dengan kejadian tersebut, dan walaupun produk yang bermasalah itu bukan produk kita.



Produk dan perkhidmatan yang bermutu sambungan

(Perubatan dan Bukan Perubatan)

Waktu membuat keputusan

Pemeriksaan kawalan kualiti dalaman

Saya bimbang kerana salah seorang pekerja baru kita nampaknya tidak melakukan bilangan pemeriksaan kualiti yang diperlukan. Apakah yang harus saya lakukan?

Laporkan hal itu dengan segera kepada penyelia atau pengurus anda, atau gunakan [E&C](#) (tanpa mendedahkan nama anda, jika dibenarkan oleh undang-undang). Kegagalan melaporkan masalah itu boleh mengakibatkan produk atau perkhidmatan kita tidak menepati standard, masalah kawal atur, atau isu lain yang serius. Laporan anda akan dirahsiakan dengan seketar-ketatnya dalam keadaan tersebut.

Waktu membuat keputusan

Kualiti bahan atau perkhidmatan

Apakah yang harus saya lakukan jika saya bimbang tentang kualiti beberapa produk makanan atau perkhidmatan yang saya terima bagi suatu tugas penyajian yang besar di pusat peranginan?

Anda harus melaporkan sebarang kekhawiran tentang kualiti kepada penyelia atau pengurus anda. Anda juga boleh menggunakan [E&C](#) (tanpa mendedahkan nama anda, jika dibenarkan oleh undang-undang).

Cook Canton, Illinois



Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod

Waktu membuat keputusan Pengesahan

Saya penyelia perkilangan. Apabila membuat persediaan sebelum memulakan operasi perkilangan, kita dikehendaki mengesahkan bahawa peralatan yang akan kita gunakan itu bersih dan sedia digunakan. Apabila saya memasuki kawasan perkilangan, pengendali di situ memberitahu saya bahawa peralatan tersebut sudah bersih dan sedia digunakan. Tanpa memeriksa peralatan itu sendiri, saya menandatangani penyata "Disahkan oleh" pada rekod perkilangan. Betulkah tindakan saya?

Tidak, kerana anda tidak melakukan pemeriksaan itu sendiri untuk mengesahkan bahawa peralatan tersebut memang bersih dan sedia digunakan. Anda tidak sepatutnya menandatangani dokumentasi tersebut sehinggalah anda selesai melakukan pemeriksaan itu sendiri.

Waktu membuat keputusan Perbelanjaan

Salah seorang pekerja bawahannya baru-baru ini pulang selepas melakukan perjalanan rasmi. Semasa mengkaji laporan perbelanjaannya, saya nampak bahawa resit hotelnya mengandungi perbelanjaan peribadi dan juga perbelanjaan yang berkait dengan perniagaan, tetapi amaun yang tertulis pada laporan perbelanjaannya ialah seluruh amaun pada resit itu. Patutkah saya bimbang?

Ya, patut. Perbelanjaan perjalanan yang tertanggung semasa melakukan kegiatan perniagaan yang perlu ialah perbelanjaan perniagaan yang boleh digantikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan peribadi semasa melakukan perjalanan rasmi bukan perbelanjaan perniagaan dan tidak boleh digantikan. Anda harus menunjukkan perbezaan itu kepada pekerja yang berkenaan dan menyuruh dia membetulkan laporan perbelanjaan tersebut.

Perhatian: Jika anda memegang kad kredit syarikat, anda tidak dibenarkan menggunakan kad itu untuk membayar perbelanjaan peribadi.

Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod sambungan

Waktu membuat keputusan

Mata ganjaran pusat peranginan

Saya mengesyaki bahawa salah seorang rakan sekerja saya di pusat peranginan tidak memasukkan mata ganjaran seorang tetamu hotel ke dalam akaun tetamu tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan mata ganjaran itu ke dalam akaun abangnya sendiri. Saya tidak dapat membuktikan bahawa dia melakukannya, dan walaupun benar dia melakukannya, mungkin sekali sahaja ataupun kerana tersilap. Patutkah saya tampil melaporkan kesangsian saya?

Ya, patut. Kita masing-masing diamanahkan untuk menjalankan perniagaan secara jujur serta memelihara keutuhan akaun dan rekod kita, termasuklah yang berkait dengan program ganjaran kita. Anda harus tampil melaporkan apa yang anda nampak dan membenarkan orang lain di Cook menentukan sama ada sesuatu yang tidak berpatutan telah berlaku. Jika anda bimbang, lebih baik anda menanganinya awal sebelum perkara itu berlaku lagi.

Waktu membuat keputusan

Tempahan hotel untuk mengadakan persidangan

Saya akan menghadiri suatu persidangan untuk tujuan kerja. Persidangan itu akan diadakan di sebuah hotel Marriott tetapi saya menyertai program ganjaran Hilton. Bolehkah saya menempah bilik hotel di Hilton di atas jalan yang sama supaya saya boleh mendapat mata ganjarannya?

Bergantung pada keadaan. Jika bilik di Hilton sama harganya atau lebih murah daripada bilik di hotel yang akan mengadakan persidangan tersebut, anda boleh menempah bilik di Hilton dan berjalan kaki ke tempat persidangan. Tetapi jika Hilton lebih mahal daripada hotel yang akan mengadakan persidangan itu, anda mesti menempah bilik di hotel yang akan mengadakan persidangan tersebut.


Pengurusan dokumentasi dan pengurusan rekod sambungan

Waktu membuat keputusan

Pelupusan dokumen

Sudah beberapa tahun jabatan saya tidak memeriksa kandungan kabinet fail kami. Kami telah menetapkan suatu hari untuk memeriksa rekod dan kami mahu memastikan bahawa kami melupuskan dokumen-dokumen dengan betul. Di manakah boleh saya memohon bantuan?

Rujuk kepada dasar Program Pengurusan Rekod tentang cara melupuskan rekod, dan tanya penyelaras rekod bagi jabatan anda ataupun jabatan Etika Dan Pematuhan di Cook untuk mendapatkan jadual penahanan rekod yang digunakan sekarang. Pastikan anda mengenal pasti rekod yang mungkin berada dalam Tahanan Undang-undang dan pastikan rekod tersebut ditahan menurut keperluan Tahanan Undang-undang tersebut. Jabatan Undang-undang Kumpulan Cook boleh menyediakan maklumat tentang Tahanan Undang-undang.



Privasi data

Waktu membuat keputusan

Memindahkan data ke negara lain

Projek saya memerlukan data dipindahkan dari satu negara ke negara lain. Apakah yang harus saya lakukan?

Sesebuah negara biasanya mempunyai peraturan privasi data sendiri, dan keperluan tempatan yang khusus mungkin perlu dipenuhi sebelum atau semasa data itu dipindahkan. Ikuti dasar dan prosedur bagi jabatan anda tentang cara selamat memindahkan data. Hubungi pejabat Privasi Global Cook untuk mendapatkan bantuan dengan projek anda sebelum anda bermula.


Pusat Kesihatan Keluarga Cook



Privasi data sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Ikutilah dasar dan prosedur jabatan anda pada setiap masa. Apabila mengutip, menyimpan, menggunakan, dan mendedahkan maklumat peribadi dan maklumat yang terlindung tentang kesihatan pesakit, tanyalah diri sendiri:





Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat

Waktu membuat keputusan

Maklumat sulit didedahkan secara tidak sengaja

Apakah yang harus saya lakukan jika saya terhantar maklumat sulit kepada orang yang tidak sepatutnya menerima maklumat itu?

Maklumat sulit dianggap sensitif dan mesti dilindungi. Jika maklumat sedemikian terjejas dengan apa cara sekalipun, anda harus melaporkan kejadian tersebut dengan segera kepada penyelia anda dan juga kepada pengurus IT bagi tempat anda.

Waktu membuat keputusan

Maklumat milik pesaing

Saya terjumpa senarai harga pesaing dan risalah-risalah mereka di gerai mereka yang tidak dijaga. Bolehkah saya menggunakan maklumat ini?

Tidak boleh. Dasar Cook menghendaki kita menghormati maklumat sulit milik orang lain. Jika senarai harga itu tidak boleh didapatkan oleh orang awam, kita tidak boleh menggunakan maklumat tersebut.

Waktu membuat keputusan

Penggunaan e-mel atau komputer peribadi


Bolehkah saya menghantar maklumat sulit milik Cook ke akaun e-mel peribadi saya supaya saya boleh bekerja dari rumah menggunakan komputer saya?

Tidak, tetapi anda boleh membawa pulang komputer riba yang dibekalkan dan disulitkan oleh Cook, dan menggunakan rangkaian persendirian maya (VPN) untuk mendapatkan data tersebut. Selain itu, anda hendaklah memastikan bahawa alat mudah alih atau alat simpanan data, misalnya pemacu kilat USB, yang anda gunakan untuk mendapatkan maklumat milik Cook disulitkan, dilindungi dengan kata laluan yang kukuh, dan tidak dibiarkan tanpa dijaga.

Maklumat sulit dan hak milik intelektual syarikat sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Sebelum mendapatkan atau mendedahkan maklumat sulit, tanya diri sendiri:



Penyelidikan

Waktu membuat keputusan

Menjalankan penyelidikan klinikal pada peringat antarabangsa

Kami bercadang untuk menjalankan percubaan klinikal Fasa III di suatu negara tetapi kami tidak akan menjual produk kami di negara itu. Adakah ini dibenarkan?

Tidak. Standard antarabangsa yang mengawal percubaan klinikal tidak menggalakkan penyelidikan dijalankan di pasaran yang tidak akan menjual produk itu.

Waktu membuat keputusan

Menjalankan penyelidikan pasaran

Pasukan Penyelidikan Pasaran bercadang untuk menjalankan sebuah penyelidikan pasaran untuk memahami keperluan pelanggan kami dengan lebih baik. Bolehkah kami menghulurkan bayaran kecil kepada peserta atas masa yang diluangkan?

Anda harus mendapatkan kepastian daripada wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda. Secara amnya, boleh. Bayaran kecil kerana memberikan perkhidmatan yang diperlukan boleh dibuat, tetapi beberapa negara atau kawasan mengenakan peraturan yang mengawal aktiviti begini. Perjanjian yang menggariskan aturan ini diperlukan. Ingatlah bahawa dalam industri peranti perubatan dan sains hayat, mungkin terdapat keperluan dari segi ketelusan yang berkait dengan pendedahan pindahan nilai seperti ini.

Waktu membuat keputusan

Kajian klinikal dan pelanggan

Saya wakil jualan bagi Cook Medical dan sebuah kajian klinikal sedang berlangsung sekarang di salah sebuah hospital pelanggan saya. Oleh sebab saya menyokong hospital ini dan mengenali produknya dengan baik, saya berkedudukan baik untuk menentukan pesakit yang sepatutnya menyertai kajian ini. Adakah ini dibenarkan?

Penyelidik utama kajian ini dan jabatan Penyelidikan Klinikal menentukan pesakit yang akan turut serta. Untuk memelihara keutuhan penyelidikan ini, wakil jualan Cook Medical harus melibatkan diri hanya jika doktor bertanya soalan tentang produk atau meminta panduan semasa sesuatu kes sedang dikaji, tetapi keputusan akhir dibuat oleh doktor itu.

Percanggahan kepentingan

Waktu membuat keputusan

Mengambil khidmat pembekal

Saya sedang mencari khidmat penggubah taman untuk sebuah bangunan milik Cook. Melalui suatu permintaan terbuka, saya menerima usul daripada sebuah perniagaan penggubahan taman. Sepupu saya memiliki kepentingan yang agak besar tetapi pasif dalam perniagaan itu. Penggubah taman itu mempunyai reputasi yang baik, telah menawarkan harga yang berpatutan, dan memenuhi semua keperluan. Apakah yang harus saya lakukan?

Anda tidak boleh memilih pemberi khidmat sehingga anda berbincang dengan pengurus anda tentang percanggahan kepentingan yang mungkin berlaku. Pengurus anda mungkin memindahkan keputusan itu kepada orang lain ataupun mengambil langkah lain untuk mengurangkan kemungkinan bahawa percanggahan disangka mempengaruhi keputusan tersebut.

Waktu membuat keputusan

Bekerja di luar Cook

Saya ditawarkan pekerjaan sambilan pada hujung minggu sebagai perunding bagi perniagaan kawan saya. Syarikat kawan saya itu tidak bersaing dengan syarikat Cook yang menjadi majikan saya ataupun dengan mana-mana syarikat Cook yang lain. Bolehkah saya menerima pekerjaan tersebut?

Walaupun perniagaan kawan anda itu tidak bersaing dengan Cook, namun anda harus berbincang dengan pengurus anda tentang pekerjaan tersebut sebelum menerimanya untuk memastikan bahawa tiada percanggahan kepentingan. Beliau akan menentukan sama ada perniagaan kawan anda itu menyediakan produk atau perkhidmatan kepada Cook ataupun kepada pesaing, pelanggan, pembekal, atau peniaga Cook dan sama ada pekerjaan itu akan mengganggu tanggungjawab anda kepada Cook.

Grant Street Inn, Bloomington, Indiana



Percanggahan kepentingan sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Tanya diri sendiri:

Adakah saya, mana-mana ahli keluarga saya, atau sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan saya, mempunyai kepentingan kewangan, memiliki, mengendalikan, atau bekerja untuk pembekal, perunding, pengedar, atau pihak ketiga lain yang sedang, pernah, atau sedang cuba berurus niaga dengan Cook?

..... ➤ Ya ➤

..... ➤ Saya tidak tahu ➤

..... ➤ Tidak ➤

JANGAN TERUSKAN.

Anda mungkin berhadapan dengan percanggahan. Dedahkan hal ini kepada pihak pengurusan untuk menentukannya dan dokumentkan dengan betul.

Adakah saya, mana-mana ahli keluarga saya, atau sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan saya, mempunyai kepentingan kewangan yang besar dalam syarikat pesaing Cook atau bekerja untuk pesaing Cook?

..... ➤ Ya ➤

..... ➤ Saya tidak tahu ➤

..... ➤ Tidak ➤

JANGAN TERUSKAN.

Anda mungkin berhadapan dengan percanggahan. Dedahkan hal ini kepada pihak pengurusan untuk menentukannya dan dokumentkan dengan betul.

Adakah saya mempunyai hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan dengan sesiapa yang bekerja dalam jabatan saya ataupun yang menganggotai pasukan pengurusan saya?

..... ➤ Ya ➤

..... ➤ Saya tidak tahu ➤

..... ➤ Tidak ➤

JANGAN TERUSKAN.

Anda mungkin berhadapan dengan percanggahan. Dedahkan hal ini kepada pihak pengurusan untuk menentukannya dan dokumentkan dengan betul.

Boleh teruskan.



Interaksi perniagaan

Waktu membuat keputusan

Hadiah daripada pembekal

Saya menerima hadiah daripada seorang pembekal dan saya kurang pasti sama ada saya dibenarkan menerimanya. Apakah yang harus saya lakukan?

Anda perlu menentukan jenis dan nilai hadiah itu. Jika nilai hadiah agak besar, anda harus memulangkannya kepada pembekal anda, sambil menerangkan kepadanya bahawa dasar Cook tidak membenarkan pembekal menerima hadiah yang bernilai tinggi. Sebaliknya, jika hadiah itu bernilai sederhana sahaja dan berpatutan, serta memenuhi kriteria lain yang diterangkan dalam dasar-dasar kita, anda mungkin dibenarkan menerimanya. Jika bersesuaian, cara yang terbaik adalah berkongsi hadiah itu dengan para pekerja di jabatan anda. Walau apa pun, ketelusan sangat penting, maka anda harus memberitahu pengurus anda ataupun jabatan Sumber Manusia tentangnya supaya hadiah itu dapat dikendalikan menurut dasar yang digunakan oleh syarikat anda atau lokasi anda.

Waktu membuat keputusan

Diskaun oleh pembekal

Syarikat yang saya gunakan untuk menganjurkan acara-acara Cook menawarkan diskaun kepada saya bagi perkhidmatan penyajian untuk majlis keluarga saya. Bolehkah saya menerima diskaun itu?

Diskaun peribadi yang ditawarkan kepada anda disebabkan jawatan anda di Cook dianggap sebagai hadiah yang tidak boleh diterima jika ditawarkan kepada anda sendiri dan mesti ditolak. Walau bagaimanapun, jika diskaun ini boleh digunakan oleh semua pekerja Cook, diskaun tersebut mungkin boleh diterima. Bincang dengan pengurus anda ataupun dengan wakil Etika Dan Pematuhan jika anda memerlukan bantuan dalam keadaan yang khusus.

Perhatian: Jika pekerjaan anda melibatkan anda memilih kontraktor, menentukan tempat berurus niaga, menyusun rancangan atau menetapkan spesifikasi untuk menentukan tempat menjalankan perniagaan, atau menyertai perundingan tentang kontrak, anda mestilah sangat berhati-hati supaya tidak mengambil tindakan yang menimbulkan bayangan berlakunya pilih kasih atau pengaruh yang tidak adil, ataupun yang boleh menjelaskan reputasi Cook sebagai syarikat yang tidak berpilih kasih dan berurus dengan adil. Pilihan yang terbaik dalam situasi sedemikian adalah untuk menolak sebarang pemberian yang ditawarkan oleh pembekal apabila Cook terlibat memilih atau memperbaharui kontrak pembekal.


Interaksi perniagaan sambungan

Waktu membuat keputusan

Pengangkutan untuk pelanggan

Saya perlu menempah penerbangan untuk salah seorang pelanggan saya yang akan menghadiri bengkel latihan bagi produk Cook Medical, tetapi saya kurang pasti sama ada hal ini perlu dilaporkan, kerana saya tidak akan membayar mereka secara tunai. Apakah yang harus saya lakukan?

Aturan perjalanan untuk pakar kesihatan mesti dibuat melalui Cook Travel ataupun melalui agensi pelancongan yang ditentukan oleh Cook. Tambang perjalanan yang ditanggung oleh Cook ialah pindahan nilai yang mesti dijejak dan dilaporkan, bergantung pada undang-undang dan keperluan negara atau kawasan itu tentang ketelusan dan pendedahan.




Interaksi perniagaan sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Apabila pekerja kerajaan atau pakar kesihatan (contohnya, doktor, jururawat, juruteknik, dan pakar pemerolehan) terlibat, rujuk kepada dasar-dasar Etika Dan Pematuhan sebelum memulakan atau menyertai sesuatu interaksi perniagaan.


Ingat, jika dasar-dasar Cook bercanggah dengan undang-undang tempatan, peraturan yang lebih tegas perlu diikuti.

Bagi yang lain, menyertai interaksi perniagaan secara amnya dibenarkan dalam keadaan yang tertentu. Tanya diri sendiri:




Interaksi perniagaan sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA



Interaksi perniagaan sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA



Pihak ketiga

Waktu membuat keputusan

Bayaran kepada pihak ketiga

Salah satu ejen jualan pihak ketiga Cook telah meminta agar kita membayar komisennya kepada syarikat lain yang bertempat di negara lain. Adakah ini dibenarkan?

Tidak. Bayaran kepada syarikat selain syarikat yang membekalkan barang atau perkhidmatan tersebut kepada kita tidak dibenarkan, begitu juga bayaran yang dibuat di negara selain negara lokasi pembekal. Permintaan begini mungkin tanda amaran bahawa kelakuan yang tidak berpatutan boleh terjadi. Sebagai contoh, pihak ketiga itu mungkin cuba membuka akaun yang tidak berpatutan atau mengetepikan wang untuk membayar sogokan, melencongkan wang untuk membuat bayaran yang tidak berpatutan, menyembunyikan transaksi, atau mengelakkan cukai.

Waktu membuat keputusan

Sekatan Amerika Syarikat

Saya menerima tempahan daripada salah satu pengedar saya di Afrika bagi produk yang hendak dihantar ke negara yang saya percaya berada di bawah sekatan Amerika Syarikat. Apakah yang harus saya lakukan?

Dapatkan nasihat wakil Undang-undang atau Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk menentukan sama ada negara destinasi itu memang ada pada senarai sekatan tersebut, dan jika ada, beritahu pengedar anda itu bahawa kita tidak dapat memenuhi tempahan ini. Senarai Sekatan ini boleh didapati pada laman intranet E&C.

Cook Kanada



Periklanan dan promosi

Waktu membuat keputusan

Permintaan produk

Seorang pakar kesihatan di sebuah negara Asia telah membaca tentang produk Cook Medical pada laman web kita dan mahu menempah sesuatu produk tetapi produk itu tidak diluluskan di negara tersebut. Apakah yang harus saya lakukan?

Cook tidak dibenarkan menghantar produk ke sesebuah negara jika produk tersebut tidak didaftarkan atau diluluskan di negara itu. Pasukan jualan tempatan hendaklah mencuba bersama-sama dengan pakar kesihatan itu untuk menentukan sama ada terdapat produk lain yang boleh menggantikan produk yang diminta itu.

Waktu membuat keputusan

Permohonan perkhidmatan bangunan

Bakal penyewa kami yang baharu perlu berpindah masuk ke suatu ruang di dalam bangunan baharu kami sebelum tarikh yang tertentu. Walaupun tarikhnya mungkin sudah dekat, bolehkah saya meyakinkan mereka bahawa pengubahsuaian bangunan itu akan siap sebelum tarikh itu untuk mendapatkan jualan ini?

Tidak boleh. Kita mesti berhati-hati supaya tidak menjanjikan sesuatu di luar kepastian kita. Anda boleh memberitahu orang itu bahawa kita akan cuba dengan bersungguh-sungguh untuk menepati tarikh yang diingini itu, tetapi kita tidak dapat menjamin tarikh yang khusus.



Antipakat dan persaingan yang wajar

Waktu membuat keputusan

Berkongsi maklumat dengan pesaing

Seorang kawan saya yang bekerja untuk syarikat pesaing mahu bertukar maklumat tentang harga untuk tujuan mengutip maklumat sahaja. Adakah ini dibenarkan?

Tidak, ini tidak dibenarkan. Bertukar maklumat tentang harga boleh dianggap sebagai bukti penetapan harga.

Waktu membuat keputusan

Berkongsi maklumat dengan pesaing

Apakah yang harus saya lakukan jika saya menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan dan seorang pesaing mula berkata bahawa kita sebagai satu kumpulan patut bersetuju tentang harga bagi produk atau perkhidmatan kita, ataupun cara kita boleh membahagi-bahagikan bakal pelanggan sesama sendiri supaya kita semua mendapat manfaatnya?

Undurkan diri daripada perbualan itu dan laporkan situasi tersebut kepada jabatan Undang-undang ataupun Etika Dan Pematuhan dengan secepat mungkin.



Program cegah rasuah global

Waktu membuat keputusan

Amalan kebiasaan tempatan

Saya diberitahu bahawa di suatu negara, suatu amalan kebiasaan di situ ialah membayar sedikit wang “sagu hati” kepada pelanggan sebelum dia membeli produk Cook. Patutkah saya membayar wang sagu hati itu supaya urus janji ini tidak terlepas?

Tidak, anda tidak boleh membayar wang “sagu hati.” Penyogokan diberi bermacam-macam nama dalam berbilang bahasa tetapi itu tidak menjadikanya sah. Kita tidak menjalankan urusan yang hanya boleh dilakukan melalui bayaran yang tidak berpatutan atau yang menyalahi undang-undang. Jika anda kurang pasti sama ada bayaran yang dipohon itu sah, atau jika anda mendapat tahu tentang hadiah, penyogokan, bayaran sagu hati, rasuah, bayaran sulit, atau insentif yang diberikan kepada sesiapa, termasuklah pelanggan atau ejen, pekerja, atau ahli keluarga pelanggan, anda harus menghubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda dengan segera.

Waktu membuat keputusan

Cara membezakan bayaran yang sah dengan penyogokan

Bagaimakah dapat saya membezakan antara bayaran yang dilarang dengan bayaran yang sah untuk mempercepatkan pelaksanaan sesuatu perkhidmatan, misalnya apabila saya mahu memohon visa perjalanan atau mendapatkan kelulusan kastam menggunakan pilihan “perkhidmatan pantas”?

Dua faktor penting yang membezakan bayaran yang sah dengan penyogokan ialah ketelusan dan sama ada bayaran itu boleh dibuat oleh semua orang. Bayaran bagi pilihan “perkhidmatan pantas” yang sah biasanya disiarkan, berkadar tetap, mencerminkan nilai perkhidmatan tambahan sebenar yang disampaikan, dan diiringi dokumentasi standard yang jelas, misalnya borang permohonan dan resit daripada organisasi yang berkenaan. Jika anda kurang pasti sama ada bayaran untuk mencepatkan pelaksanaan sesuatu perkhidmatan itu dibenarkan, anda harus menghubungi pengurus anda atau wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda.

Program cegah rasuah global sambungan

Waktu membuat keputusan

Ejen-ejen Cook

Saya rasa ada seseorang yang bekerja bagi pihak Cook yang sedang menyogok pelanggan untuk memperoleh jualan. Perlukah saya bimbang tentang perbuatan ini memandangkan ejen itu yang menyogok dan bukannya Cook? Saya juga rasa pembekal itu bukan pegawai asing, jadi perlukah saya bimbang tentang Akta Amalan Rasuah Asing (FCPA) Amerika Syarikat?

Bincangkan hal ini dengan segera bersama wakil Undang-undang atau wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda. Jika ejen itu bertindak bagi pihak Cook dan Cook tahu, sepatutnya tahu, atau merasakan kita tahu bahawa ejen itu sedang melakukan perbuatan begini, Cook boleh dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan ejen itu. Selain itu, FCPA ingin menentukan sama ada bayaran dibuat kepada pegawai asing, manakala dasar Cook dan undang-undang cegah rasuah yang lain jauh lebih luas daripada FCPA, dan melarang bayaran atau tawaran untuk membayar kepada sesiapa pun dengan tujuan mendapatkan kelebihan perniagaan dengan cara yang tidak berpatutan, sama ada secara langsung ataupun tidak.

Waktu membuat keputusan

Amalan pekerjaan yang tidak adil

Baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa bakal rakan perniagaan kami mempunyai reputasi sebagai syarikat yang mengikuti amalan pekerjaan yang boleh dipersoalkan, tetapi saya tidak terlibat dengan proses pemilihannya. Apakah yang harus saya lakukan?

Sebaik sahaja anda mendapat tahu tentang kegiatan yang melanggar dasar kita atau komitmen kita terhadap amalan buruh yang adil, anda bertanggungjawab membangkitkan keimbangan itu. Bincang dengan pengurus anda atau dengan wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda.



Perdagangan antarabangsa

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Tanya diri sendiri:



Ya



BERHENTI. TRANSAKSI INI TIDAK BERPATUTAN.



Saya tidak tahu




Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Ya



BERHENTI.



Saya tidak tahu



Sebagai syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat, kita tidak menyertai pemulauan yang tidak disokong oleh Amerika Syarikat. Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Teruskan pada muka surat yang seterusnya.

Perdagangan antarabangsa sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Tanya diri sendiri:



Ya



BERHENTI.



Saya tidak tahu



BERHENTI.

Jangan proses sehingga alah dokumentasinya lengkap. Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Ya



BERHENTI.



Saya tidak tahu



BERHENTI.

Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Teruskan pada muka surat yang seterusnya.

Perdagangan antarabangsa sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Tanya diri sendiri:



Adakah saya bimbang bahawa eksport bahan mentah, perisian, peralatan, dan sebagainya mungkin dihantar ke negara yang dilarang ataupun kepada penerima yang ada pada senarai pihak yang dilarang, ataupun mungkin produk atau teknologi terlarang yang tertakluk kepada kawalan dwiguna?

Ya

BERHENTI. TRANSAKSI INI TIDAK BERPATUTAN.



Saya tidak tahu



Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Adakah transaksi itu menimbulkan "tanda amaran" jika negara destinasi tidak sama dengan negara yang dinyatakan pada dokumen penerima? Sebagai contoh, adakah barang-barang yang dihantar itu merangkumi peralatan elektrik yang menggunakan 110 volt tetapi akan dihantar ke destinasi yang menggunakan standard elektrik 240 volt?

Ya

BERHENTI. TRANSAKSI INI TIDAK BERPATUTAN.



Saya tidak tahu



Hubungi wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan bantuan.



Tidak



Boleh teruskan.

Komunikasi dengan pihak media


Waktu membuat keputusan

Surat kepada penyunting

Bolehkah saya menggunakan kepala surat Cook untuk menulis surat kepada penyunting akhbar di tempat saya? Saya percaya hal ini penting bagi syarikat kita.

Anda tidak dibenarkan menggunakan kepala surat Cook atau nama jawatan anda di Cook untuk menulis tentang sebarang hal melainkan anda telah diberi kuasa oleh Cook untuk berbuat demikian. Jika anda percaya bahawa sesuatu hal itu memerlukan jawapan rasmi daripada Cook, bincang dengan pengurus anda atau dengan jabatan Komunikasi Korporat.


Kolam renang di Hotel & Resort French Lick



Komunikasi dengan pihak media sambungan

MENGEMUDIKAN PERJALANAN ANDA

Sebelum bercakap dengan pihak media atau di acara yang dihadiri pihak media, tanya diri sendiri:



Media sosial

Waktu membuat keputusan

Berkongsi melalui media sosial

Saya peserta yang aktif pada suatu laman media sosial. Jika saya berpeluang menyiar maklumat yang bermanfaat untuk perniagaan, bolehkah saya menyiar maklumat itu?

Jangan bercakap secara awam bagi pihak Cook melainkan pengurus anda telah meluluskan anda berbuat demikian selepas meminta nasihat daripada jabatan Komunikasi Korporat. Jika anda menyiar maklumat yang berkait dengan tanggungjawab pekerjaan anda, anda mesti mendedahkan hubungan anda dengan Cook dan menyatakan dengan jelasnya bahawa komen anda itu mencerminkan pendapat anda sendiri dan tidak semestinya pendapat Cook. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang apa yang berpatutan dan apa yang tidak, rujuk kepada garis panduan kita tentang media sosial.

Cook Jepun





Aktiviti politik dan melobi

Waktu membuat keputusan

Menggunakan harta benda atau bekalan syarikat

Abang saya sedang bertanding untuk mendapatkan jawatan politik. Semasa waktu makan tengah hari, bolehkah saya membuat panggilan dari meja saya untuk menyokong kempennya atau menggunakan mesin penyalin kita untuk menyalin risalah bagi kempennya?

Tidak boleh. Menggunakan masa, harta benda, atau bekalan milik syarikat atau membenarkan kawasan milik syarikat digunakan untuk apa-apa tujuan selain perniagaan Cook dilarang.

Waktu membuat keputusan

Menggunakan kapal terbang korporat

Seorang calon memohon untuk melawat sebuah kilang Cook. Tiada satu pun lapangan terbang yang besar berhampiran kilang itu, jadi lebih mudah jika calon itu menggunakan kapal terbang Cook. Adakah ini dibenarkan?

Tidak. Penggunaan sumber korporat, termasuklah kapal terbang Cook, oleh seseorang calon dilarang oleh dasar Cook dan mungkin melanggar Standard Luar Yang Berkenaan.

Waktu membuat keputusan

Membuat sumbangan derma politik

Bolehkah saya mendermakan wang Cook kepada calon politik?

Di Amerika Syarikat, walaupun terdapat perbezaan di setiap negeri berkeraan calon bagi jawatan yang dipilih, namun memberikan sumbangan derma sedemikian kepada calon persekutuan dilarang. Hal-hal yang berkeraan dengan sumbangan sedemikian hendaklah dikaji bersama-sama dengan wakil Etika Dan Pematuhan bagi tempat anda untuk mendapatkan panduan.

Amalan pekerjaan

Waktu membuat keputusan

Berpilih kasih

Salah seorang rakan sekerja saya, yang juga kawan pengurus kami sejak zaman universitinya dahulu, telah dinaikkan pangkat dua kali dalam masa dua tahun yang lepas, sedangkan saya percaya orang lain dalam jabatan kami lebih layak menyandang jawatan-jawatan tersebut. Saya rasa pengurus kami lebih menyebelahi orang ini disebabkan persahabatan mereka dahulu. Patutkah saya melaporkan hal ini melalui Talian Bantuan E&C?

Secara amnya, kami mencadangkan supaya anda menghubungi jabatan Sumber Manusia untuk membincangkan kebimbangan begini ataupun menelefon Talian Bantuan E&C untuk melaporkan kebimbangan anda tanpa mendedahkan nama anda, jika dibenarkan oleh undang-undang.

Waktu membuat keputusan

Jenaka yang tidak berpatutan

Salah seorang rakan sekerja saya suka membuat jenaka yang tidak berpatutan semasa waktu makan tengah hari, dan ini kurang menyenangkan saya. Apakah yang boleh saya lakukan?

Ada dua cara anda boleh menangani situasi begini:

- Anda boleh **melakukannya secara tidak formal**, iaitu bercakap sendiri dengannya dan memberitahunya bahawa jenaka begini kurang menyenangkan anda, dan meminta dia berhenti, atau
- Anda boleh **melakukannya secara formal** jika anda kurang selesa bercakap dengannya mengenai hal ini, dan meminta penyelia, pengurus, atau jabatan Sumber Manusia bercakap dengannya. Rujuk kepada dasar-dasar yang berkenaan dengan negara atau kawasan anda untuk mengetahui prosedur pelaporan yang formal.

Kesihatan dan keselamatan persekitaran

Waktu membuat keputusan

Perubahan pada tingkah laku pekerja

Seorang rakan sekerja saya nampaknya resah dan lebih sensitif daripada biasa. Semalam, dia bercakap dengan kasar kepada rakan sekerja yang lain. Apakah yang harus saya lakukan?

Jangan tolahkan muka daripada situasi ini. Jika anda bimbang bahawa tingkah laku itu boleh menimbulkan risiko terhadap anda atau orang lain, anda harus bercakap dengan penyelia anda, pengurus anda, atau jabatan Sumber Manusia mengenai situasi itu.

Waktu membuat keputusan

Meminum arak

Jika saya menghadiri acara tajaan syarikat, bolehkah saya meminum segelas wain semasa makan malam?

Meminum arak dengan sederhana, misalnya segelas wain yang diminum bersama-sama makan malam, boleh diterima. Walau bagaimanapun, jika arak itu mungkin menjelaskan kebolehan anda berinteraksi dengan baik bersama rakan sekerja atau pelanggan anda, anda tidak sepatutnya memilih minuman keras.

Waktu membuat keputusan

Melaporkan kecederaan

Semasa mencari barang di bawah meja saya semalam, tangan saya terhiris pada pinggir yang tajam. Tangan saya berdarah sedikit sahaja dan saya dapat membasuh dan membalut luka itu sendiri. Perlukah saya melaporkan kejadian ini?

Ya, anda harus melaporkan semua kemalangan, kecederaan, dan penyakit yang berlaku di tempat kerja kepada penyelia anda dengan segera, tidak kira berapa kecil kejadian itu, atas dua sebab. Sebab pertama adalah untuk memastikan bahawa kecederaan atau penyakit itu dirawat dengan cepat dan betul. Kedua, kecederaan yang dilaporkan dapat menolong kita mengenal pasti keadaan berbahaya yang perlu diperiksa dan dibetulkan. Selain itu, mungkin terdapat keperluan pelaporan oleh pengawal atur yang mesti kita penuhi dalam bidang kuasa di tempat anda.

Kesihatan dan keselamatan persekitaran sambungan

Waktu membuat keputusan

Melaporkan masalah pada bangunan

Sewaktu saya sedang bekerja, saya ternampak cecair menitis daripada paip yang ada di atas kepala saya. Adakah saya bertanggungjawab melaporkan hal ini?

Ya, anda bertanggungjawab melaporkan dengan segera situasi yang anda percaya secara munasabahnya boleh memudaratkan orang lain, persekitaran, atau bangunan yang berkenaan.

Waktu membuat keputusan

Mencegah kejadian pekerja tergelincir dan terjatuh

Saya ternampak tumpahan cecair di atas lantai. Apakah yang harus saya lakukan?

Semua pekerja bertanggungjawab terhadap keselamatan. Setidak-tidaknya, anda dikehendaki menghubungi pasukan Kemudahan Bangunan supaya mereka boleh meletakkan kon keselamatan atau tanda amaran lantai basah (di merata tempat di dalam bangunan itu). Anda mungkin perlu meminta rakan sekerja anda berdiri berhampiran dengan tempat tumpahan itu untuk mengarahkan orang yang lalu di situ agar menjauhi tumpahan tersebut sementara anda pergi mendapatkan salah seorang anggota pasukan Kemudahan Bangunan.

Waktu membuat keputusan

Mengubahsuaikan tempat kerja

Pergelangan tangan saya tidak berasa selesa semasa bekerja. Saya rasa saya tahu cara mengubah susunan tempat kerja saya untuk mengurangkan rasa kurang selesa ini. Patutkah saya berkata sesuatu?

Ya, kami menggalakkan pelaporan rasa kurang selesa pada peringkat awalnya kerana keadaan begini mungkin menandakan masalah yang boleh berlaku. Selain itu, laporan yang dibuat menggunakan prosedur pelaporan kejadian kita akan disampaikan kepada kumpulan-kumpulan sokongan dan juga kepada pengurus atau penyelia anda untuk menentukan sama ada tempat kerja anda boleh diubah agar lebih baik. Idea anda tentang cara-cara mengatasi punca tekanan ergonomik sangat bernilai kerana keselamatan dan kesihatan anda amat penting bagi kejayaan kita.

Perhatian: Tolong jangan ubahsuaikan tempat kerja anda tanpa menggunakan saluran yang betul.

Kesihatan dan keselamatan persekitaran sambungan

Waktu membuat keputusan

Kecemasan perubatan

Saya nampak rakan sekerja saya tersembam di kawasan rehat dalam keadaan tidak sedar diri. Tiada orang lain di situ. Apakah yang harus saya lakukan?

Keadaan begini menepati definisi kecemasan perubatan dan anda harus bertindak sewajarnya. Ikuti prosedur yang ditetapkan bagi lokasi anda untuk memberitahu kakitangan yang berkenaan tentang kecemasan perubatan tersebut. Anda bertanggungjawab memahami dan mengikuti prosedur kecemasan perubatan bagi tempat anda semasa dan selepas waktu kerja.

Kumpulan Cook, Washington, DC



Aset dan harta benda

Waktu membuat keputusan

Perbelanjaan makan minum untuk kawan

Saya keluar makan malam bersama seorang kawan semasa saya melawat bandar lain atas urusan syarikat. Adakah saya dibenarkan menanggung bayaran makan minumnya menggunakan akaun perbelanjaan saya asalkan jumlahnya tidak melebihi kos yang dibenarkan bagi hidangan yang berpatutan?

Tidak, laporan perbelanjaan anda sepatutnya mencerminkan kos lawatan anda bagi pihak Cook sahaja dan hanya merangkumi kos makan minum anda.

Waktu membuat keputusan

Membeli-belah dalam talian

Bolehkah saya menggunakan komputer kerja saya untuk membeli-belah dalam talian semasa musim percutian?

Rujuk kepada dasar syarikat Cook yang khusus atau tanya pengurus anda. Beberapa syarikat Cook mengehadkan penggunaan internet disebabkan sifat sensitif maklumat yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh syarikat. Kecuali dinyatakan sebaliknya, secara amnya, dasar Cook membenarkan pekerja menggunakan komputer syarikat untuk kegunaan peribadi seperti ini asalkan dilakukan sekali-sekala sahaja dan tidak bercanggah dengan tanggungjawab kerja ataupun dengan dasar penggunaan komputer yang lain.

Waktu membuat keputusan

Perniagaan sampingan

Saya dan beberapa orang kawan akan memulakan sebuah perniagaan sampingan secara kecil-kecilan. Kami sudah mendapat kelulusan yang perlu daripada pihak pengurusan bahawa perniagaan ini tidak bercanggah dengan tanggungjawab kami kepada Cook. Bolehkah saya menggunakan nombor telefon bimbit saya yang dibekalkan oleh syarikat sebagai talian telefon utama bagi perniagaan ini?

Tidak boleh. Anda tidak dibenarkan menggunakan telefon syarikat Cook sebagai talian perniagaan peribadi. Sungguhpun perniagaan sampingan anda tidak bercanggah dengan kerja yang anda lakukan untuk Cook dan tidak dilarang dengan cara lain, namun anda tidak dibenarkan menggunakan masa, harta benda, atau sumber-sumber lain milik Cook untuk kegunaan perniagaan sampingan anda itu.

Memperingati sahabat dan rakan sekerja kita, Encik Bill Gibbons

